



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 1

RABU 3HB. JANUARI, 1979.

رابو 3 صفر 1399

PERCHUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Untuk menghadapi saat kemerdekaan

MULAKAN PERSIAPAN2 DARI SEKARANG — TITAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sekali lagi mengingatkan rakyat dan penduduk negeri ini supaya dari sekarang memulakan persiapan untuk menghadapi saat kemerdekaan.

Bertitah ketika menyampaikan keputusan selamat tahun baru sa-jurus beberapa saat menjelang-tahun 1979 awal pagi Isnin, 1hb Januari yang baru lalu menerusi siaran ra-

dio dan Talivishen Brunei, Baginda Yang Dipertuan penoh berharap supaya dengan izin Allah dan sefa'at Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. kemerdekaan yang akan kita chapai itu nanti akan membawa nekmata keamanan dan ketenteraman serta kemakmoran dan kebahagiaan yang berterusan untuk semua rakyat dan penduduk negeri ini.

Dalam titah Baginda yang di-siarkan menerusi rancangan Menjelang 1979 itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-terus-nya berdo'a mudah2an segala nekmata yang telah dikorbankan-Nya kepada kita dalam tahun 1978 dan sa-belumnya akan terus kita nekmata sepanjang tahun 1979 ini.

"Dan mudah2an kita di-Brunei ini akan dapat melipatgandakan segala usaha2 kita yang berkebaikan dan yang di-redhai oleh Allah", titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-terus-nya mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan Baginda yang telah menumpukan usaha yang jujur terhadap kerja2 yang di-tugaskan kepada mereka dan berharap supaya akan terus berbuat demikian sepanjang tahun 1979 dan sa-terus-nya.

Kapada anggota2 pasukan keselamatan yang terdiri dari Pasukan AMDB, Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan dan Perisik dan angkatan bersenjata Baginda Queen, Baginda juga mengucapkan terima kasih kerana telah bersama2 menumpukan usaha mengawal serta mempertahankan keselamatan dan keamanan negeri ini.

"Pada hari yang berbahagia ini Beta dan ahli2 Kerabat Diraja, sukachita mengucapkan selamat menyambut tahun baru kepada semua rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam ini. Semoga Allah akan senantiasa memperlingkungi kita semua dan memberkati kita dalam segala usaha2 kita yang di-redhai-Nya", titah Baginda di-akhir perutusan tahun baru tersebut.

Sementara itu Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awg Arthur

Watson dalam ucapan tahun baru-nya mensifatkan dengan berlalu-nya tahun 1978 dan munchol-nya tahun 1979 adalah merupakan masa untuk kita menjengok peristiwa2 yang telah berlaku di-samping membuat apa yang akan datang dengan penoh chabaran dan pertimbangan.

Ibarat kita membuat perjalanan jauh, jelas Tuan Yang Terutama Awg Watson, bahawa kita jangan-lah mengatakan yang kita telah sampai, tetapi harus menyedari sa-jauh mana dan berapa jauh lagi perjalanan yang akan kita tempohi.

Menyatakan yang tugas beliau baru saja memasuki tempoh bulan kedua perkhidmatan di-negeri ini, Tuan Yang Terutama itu penoh perchaya sambil menyatakan puas hati-nya bahawa dengan ada-nya perhubungan yang baik antara kedua belah pihak-lah kejayaan ka-atas perlanjutan awal kemerdekaan dapat di-tanda-tangani dalam bulan September lepas di-London.

Dalam perutusan baru-nya itu, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British itu juga menyebarkan ucapan selamat tahun baru kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan semua ahli Kerabat Diraja.

Beliau bagi pihak rakyat British di-sini juga telah menyampaikan ucapan selamat tahun baru kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei.

Bot2 cheghah kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Bomba akan mempunyai dua buah lagi bot laju bagi kegunaan-nya menchechah kebakaran. Bot2 itu di-buat di-Singapura di-mana ia sedang di-uji.

Bot2 itu mempunyai had laju 49 knots dan berharga \$190,000 serta di-tenagai oleh jentera Mercury yang mempunyai 115 kuasa kuda.

Belia2 di-seru supaya menuntut dan menchari pengalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud menghorkan agar belia2 di-negeri ini bersedia dari sekarang untuk menuntut, menchari pengalaman serta ilmu pengetahuan supaya apabila sampai masa-nya nanti mereka akan dapat mewarisi jenerasi yang sudah tua.

Belia2, sabda Yang Amat Mulia itu, ada-lah merupakan sa-bahagian dari rakyat yang akan menggantikan atau menyambung jenerasi tua pada mengendalikan negeri ini di-masa2 akan datang.

Yang Amat Mulia itu telah bersabda demikian ketika berucap membuka rasmi Kongres Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei di-Pusat Bela di-sini pagi Isnin, 1hb Januari yang baru lalu.

Kemerdekaan, yang mana dalam masa lima tahun dari sekarang kita akan menchapai-nya, tambah Yang Amat Mulia itu, ada-lah merupakan niat yang di-nanti2kan oleh sa-tiap rakyat negeri ini agar negara kita sama kedudukan-nya dengan negara2 di-dunia.

Tetapi di-dalam kita menempoh kemerdekaan nanti, jelas

Yang Amat Mulia dalam sabda itu lagi, akan lebih banyak tanggung-jawab yang akan kita kerjakan untuk menjadikan negara kita ini sa-buah negara yang benar2 merdeka, dapat memelihara keamanan, ketenteraman serta mengekalkan keturutan kita yang sudah biasa taat setia dan beraja.

Dalam masa kita membuat persediaan untuk menerima kemerdekaan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar mengingatkan, supaya kita mengurangkan berchepak dan membanyakan bekerja dan hendak-lah mempersekutukan diri dan menyatupadukan fikiran serta tenaga bagi semua rakyat termasuk yang berpelajaran dan kurang berpelajaran.

"Dengan chara kita bersatupadu, maka banyak perkara yang akan dapat kita selesaikan untuk negara kita", sabda Yang Amat Mulia itu sa-lanjut-nya.

Sabda Yang Amat Mulia itu lagi, bahawa pada masa ini negara kita sudah banyak orang yang pandai, maka yang pandai hendak-lah memimpin yang tidak pandai supaya dengan chara demikian kita tidak akan berpechah-belah.



Yang Amat Mulia Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali.

"Jangan ada yang pandai satu bahagian dan yang bodoh satu bahagian, maka ini ada-lah senang di-masuki oleh anasir2 yang suka memecah-belahkan kita", sabda Yang Amat Mulia itu mengingatkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar sa-lanjut-nya berseru terutama kepada belia2 dan cherdek-pandai akan terus bersatu-padu, kerana kalau kita bersatu-padu dalam perkara berkebaikan kita tentu akan mendapat keamanan dan kemakmoran di-masa akan datang.



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

3HB JANUARI, 1979

1979 PERLUKAN PERUBAHAN SIKAP

TAHUN 1978 baru saja berlalu dan kini kita sudah berada tiga hari di-tahun 1979. Seperti lazimnya sa-tiap kali tahun lama berakhir dan tahun baru pula menjelang, maka berbagai ikrar atau perhitungan pula di-susun oleh sa-tiap orang, masyarakat atau siapa saja sa-bagai tekad untuk apa jua pekerjaan bagi mencapai objektif hidup sepanjang hayat yang akan di-lalui.

Namun begitu beredar-nya tahun yang sudah di-lalui itu, bukan semudah itu pula kita hendak melupakan-nya atas segala apa yang telah kita rasakan atau hadapi, tetapi semua-nya ada-lah menjadi suatu pembuka jalan yang selanjut-nya dalam kita melangkah hidup di-tahun 1979 dan seterusnya akan menjadi sa-buah obor bagi menerangi liku2 jalan yang akan kita lalui.

Kalau di-tahun 1978, kita begitu banyak menghadapi rintangan yang bukan kepalang dan sukar sekali bagi kita untuk memenuhi-nya dalam menuju matalamat hidup yang kita inginkan, dan kerana-nya kita hanya berhasil mencapai sa-bahagian atau langsung tidak ada dari apa yang kita inginkan itu, maka tahun ini segala petualang itu mungkin akan dapat pula kita tembusi dengan mudah. Sebab tanpa apa2 rintangan yang menjadi ranjau dalam hidup kita, kita tidak mungkin dapat mencapai apa yang kita harapkan kerana rintangan demikian-lah yang memaksa kita untuk mencari jalan atau berikhtiar pada memisahkan lagi gerak langkah hidup kita. Tentu-nya pembisaian itu kelak hendak-nya menurut lunas2 yang di-redhai oleh Allah, kerana hanya dengan keredhaan-Nya jua sesuatu perkara itu pasti berjalan lancar.

Dan bagi kita yang menjalmai Negeri Brunei Darussalam ini tentu-nya kita mempunyai satu objektif hidup bermasyarakat yang sama ia-itu bersiap diri dalam berbagai lapangan pembangunan negara istemewa pula dalam kita menuju saat kemerdekaan. Negara kita yang sudah merangkakan bahawa saat gemilang itu pasti menjelang di-tahun 1983, maka persiapan yang perlu kita tunaikan untuk-nya ia-lah melakukan segala apa jua pekerjaan yang berkebajikan demi melicinkan semua projek pembangunan untuk kemajuan bangsa dan negara tanpa lengah2 lagi. Sebab, kalau pada tahun 1978 kita sudah membuat rangkanya, maka tahun ini ada-lah merupakan tahun perhitungan dan saat untuk kita mengisi rangka2 kemerdekaan itu mula di-lakukan, istemewa pula awal tahun ini seperti yang telah di-janjikan oleh Kebawah DYMM bahawa perjanjian mengenai-nya akan di-tanda-tangani dengan penuh beristiadat.

Tidak shak lagi 7hb Januari, 1979 yang merupakan saat dan sukat yang baik untuk menyempurnakan pekerjaan yang di-hajatkan itu, perlu-lah juga kita jadikan saat bertolak untuk melaksanakan perhitungan bagi mengisi kemerdekaan itu. Erti-nya bermula dari tarikh itu sa-tiap raayat mesti mula melangkah. Dan ada-lah menjadi suatu kebanggaan serta keberuntungan kepada kita bahawa ibarat bersedia payong sa-belum turun-nya hujan, maka kita tidak akan kapar2 untuk mengunjar itu dan mengakis ini bagi menyempurnakan kehendak2 kemerdekaan apabila tahun 1983 sudah menjelang. Jadi-nya dengan persediaan yang telah kita jalankan dari sekarang, bererti sa-telah tiba saat yang gemilang itu kita hanya perlu berusaha untuk memisahkan lagi proses mengisi kemerdekaan jika terdapat di-mana yang tidak chuchok kita betulkan dan yang tidak berchahaya kita kilapkan supaya benar2 bersinar dari semasa ka-semasa.

Dan sepanjang tahun 1979 ini juga Kerajaan Kebawah DYMM telah pun memperuntukan perbelanjaan yang begitu besar dan telah di-suarakan bahawa peruntukan itu sa-bahagian besar-nya ada-lah bertujuan untuk menguasai perkara2 yang perlu di-usai demi mengisikan apa yang di-sebut 'MERDEKA TULIN' itu. Untuk semua itu, sa-detik dengan bermula-nya perjalanan tahun baru 1979 ini sa-tiap raayat perlu menanamkan suatu perubahan sikap dengan mengorak langkah ka-arrah yang lebih berpatutan dengan kehendak2 proses mengisi kemerdekaan, sebab kesempatan masa yang ada pada kita sa-hingga hari bersejarah itu ada-lah suatu peralihan yang begitu singkat dan suntok untuk kita memper-majukan gerak langkah ka-arrah persiapan mengisi dan menguasai apa yang ada pada kita.

PROJEK Kertas Pulpa yang di-duga akan menggunakan kayu dari hutan paya dalam tempoh dua puluh tahun, yang mana kayu2 itu akan di-kilang dan berikut-nya di-ekspot keluar negeri dalam bentuk pulpa kayu, juga terpaksa di-tangguhkan oleh kerana keadaan merosot di-pasaran dunia bagi pulpa kertas. Sharikat yang bertanggung-jawab terhadap projek ini maseh menjalankan penyelidikan2 dan rancangan ini mungkin dapat di-selenggarakan apabila tiba masa-nya kelak. Melalui usaha penanaman semula hutan2 negeri ini maka kilang itu mungkin akan dapat berjalan tanpa kesudahan-nya.

Lain2 kegunaan bagi Hutan2 Negeri ini sedang dalam penyelidikan dan termasuk-lah juga penubuhan sa-buah Kompleks Balak tetapi pemaju2 yang berminat dalam perkara ini serta lain2 perusahaan berasa bimbang dengan keadaan2 perdagangan yang merosot di-seluruh dunia dan kemajuan2 yang dibuat ada-lah perlahan.

Pembelian dan peralihan sa-buah kapal Penyelidik Perikanan telah di-selenggarakan dan satu taksiran mengenai dengan kemungkinan2 penangkapan ikan ayer dalam sedang dalam perhatian. Penyelidikan2 mengenai dengan pemeliharaan ikan di-kuala2 sungai sedang di-selenggarakan dan projek2 yang mempunyai kemungkinan sedang di-rumus. Satu projek udang ayer tawar sedang di-laksanakan sa-chara besar2an dalam sektor swasta dan ada-lah di-harapkan kerja2 pembinaan kolam dan saluran ayer akan dapat di-mulakan pada hujung tahun ini.

Satu keputusan dasar yang penting telah diambil dalam tahun ini dengan mana Jabatan Pertanian akan bertanggung-jawab terhadap penanaman padi sa-chara sa-paroh komersil. Kerja2 menganalisa dan menyiasat keadaan tanah telah pun selesai di-satu kawasan dan maseh lagi dalam pelaksanaan di-dua buah kawasan yang lain. Ada-lah di-duga bahawa hasil tanaman padi yang pertama akan dapat di-tuai dalam sa-tengah tahun kedua di-tahun depan dan dengan sa-chara beransor2 negeri ini tidak lagi akan bergantung kepada impot bahan makanan yang mustahak ini. Penanaman padi ada-lah bergantung kepada satu sistem taliayer dan pengaliran yang menchukopi dan kerja2 ini sedang di-selenggarakan di-kawasan2 penanaman padi yang mempunyai kemungkinan oleh Jabatan Kerja Raya sa-bagai satu sekim kemajuan yang berasingan tetapi diselenggarakan perlaksanaan-nya.

Sa-bagai kebiasaan turun-temurun, padi di-tanam hingga kini oleh petani2 sa-chara kecil2an, terutamanya sekali untuk keperluan2 mereka sendiri dan pehak Kerajaan terus memberikan bantuan serta dorongan kepada mereka dengan menyediakan baja, rachen serengga dan ra-

chun musoh tanaman dengan harga2 yang di-berikan bantuan subsidi, juga dengan menolong membina taliayer2 dan sistem pengaliran dan dengan menyediakan bantuan teknik dan jentera.

Lain2 perkembangan dalam sektor pertanian swasta ia-lah penubuhan ladang2 Ubi Kayu, Minyak Jarak dan Kelapa serta pembinaan sa-buah kilang makanan binatang ternak. Sa-tiap galakan ada-lah di-berikan kepada perkembangan sumber2 pertanian yang sa-demikian.

Perkembangan dalam bidang perusahaan ternakan lembu telah di-berikan dorongan permulaan dengan terbentok-nya sa-buah sharikat sendiri, ia-itu Sharikat McFarm Berhad, yang di-miliki oleh Mitsubishi Corporation. Pehak Kerajaan berkerjasama dalam projek yang melibatkan perkembangan ternakan lembu di-kawasan Gadong/Tungku itu. Disamping itu pula, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan projek yang sama sa-chara yang lebih besar2an lagi di-Daerah Laun, Temburong.

Sekim2 Kerajaan yang di-biayai melalui Kumpulan wang Kemajuan sedang berjalan dengan memuaskan dan saya akan menyentoh sa-chara ringkas sa-bahagian dari-nya.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara masa ini ada terdapat projek jalan raya yang lengkap serbi-nya yang terutama sekali mengandongi kerja2 meninggikan lagi taraf jalan-raya2 yang terdapat ketika ini dan pembinaan jalan2 penghubung. Ini akan memberikan jalan2 masuk kepada kawasan2 baru serta membantu arus lalu-lintas yang semakin bertambah itu. Sa-buah jalan-raya utama yang baru akan di-bina di-sepanjang pantai dari Muara hingga ka-Tutong. Pembinaan-nya sedang di-laksanakan dalam dua bahagian, ia-itu dari Muara ka-Jerudong dan dari Jerudong ka-Tutong. Kontrek bagi

PERKEMBANGAN DLM BIDANG PERTANIAN AKAN DI-PESATKAN

BAHAGIAN terakhir ucapan Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan Rang Undang2 Perbekalan Negara bagi tahun 1979 di-Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang dalam bulan lepas.



Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

bahagian Muara/Jerudong telah pun di-berikan dan kerja2 sedang di-selenggarakan.

Tempat menyimpan kapal terbang di-Lapangan terbang Antarabangsa yang akan berupaya menempatkan kapal terbang yang mempunyai rangka badan yang lebar seperti Boeing 747 sedang dalam pembinaan, dan di-kala siap nanti akan dapat memberikan kemudahan2 kejuruteraan dan pentadbiran yang lebih baik lagi untuk penerbangan kerajaan. Lapangan terbang juga sedang di-lengkapi dengan sa-buah sistem radar untuk menjamin keselamatan yang maksimum untuk kapal terbang2 itu.

Rancangan Kemajuan Negara masa ini ada mengandongi wang peruntukan bagi perkhidmatan2 talikom yang lebih baik lagi. Ibu-sawat2 baru sedang di-bina dan kibal2 di-pasang untuk memenuhi permintaan2 bagi sambungan2 talipon. Projek besar yang melibatkan pembinaan sa-buah stesen bumi untuk membolehkan perhubungan antarabangsa melalui stela2 sedang di-laksanakan dengan pesat-nya dan ia-nya akan dapat menghapuskan segala kekurangan yang terdapat dalam sistem pangkalan2 seberang laut pada masa ini.

Studio2 baru untuk perkhidmatan talivisen sesungguh-nya telah pun siap pembinaan-nya dan ia-nya akan membolehkan siaran2 rancangan yang telah pun sedia inggi taraf teknik-nya itu untuk di-perluaskan lagi. Perkhidmatan Talivisen Pendidikan telah di-perkenalkan dalam tahun ini dan ia-nya kian terbukti merupakan satu perkara yang penting dalam bidang pelajaran sekolah2.

Rumah Sakit baru di-Kiulap sekarang mulai terbentok. Kerja2 tanah telah pun di-siapkan dan kerja2 telah pun di-mulakan bagi perengkat pertama pembinaan bangunan2-nya. Rumah Sakit yang pada masa ini ada-lah jauh terlalu kecil dan para doktor dan lain2 kaki-tangan terpaksa berkerja dalam keadaan penoh sesak dan tidak memuaskan. Ada-lah di-harapkan bahawa bangunan baru itu akan menjadi satu chontoh bagi sa-jenis dengan-nya dan membolehkan perkhidmatan perubatan untuk berkembang dengan sepenoh2-nya.

Bangunan2 awam yang baru seperti Mahkamah Tinggi, dan pejabat2 Kerajaan sedang dalam perengkat reka-bentuk dan penyiapan kerja2 membina rumah2 untuk pegawai2 Kerajaan dalam semua Daerah sedang berjalan dengan memuaskan.

Rancangan2 Ayer Sungai Tutong dan Sungai Belait yang mana akan menghasilkan be-

kalas2 ayer yang menchukopi sedang di-laksanakan dengan memuaskan dan dengan siap-nya kerja2 itu nanti maka akan tamat-lah chatuan2 ayer yang tidak dapat di-elakkan berlaku pada masa2 tertentu dalam sepanjang tahun.

Kerja2 kejuruteraan awam bagi padang bola sepak dan track lumba lari serta kerja2 pengaliran untuk stadium baru telah di-siapkan. Reka-bentuk bagi pangkong-beratan (grandstand) telah pun di-buat dan ketika ini sedang dalam pertimbangan. Kemudahan yang amat penting ini akan di-alu2kan oleh ahli2 sokan, pemain2 bola dan begitu juga oleh para penonton.

Rencana2 sedang pun mendapat perhatian bagi menyusun Rancangan Kemajuan Negara yang baru dan ia-nya sedang di-rumus dengan sa-begitu rupa bagi membolehkan kerja2 kemajuan berjalan terus-menerus tanpa sebarang waktu yang berselang. Dengan cara ini maka perbelanjaan yang Kerajaan akan dapat di-kekalkan menurut paras yang sesuai dan kesan yang menimbulkan keadaan merosot ka-atas sektor swasta jika terhenti-nya perbelanjaan sa-demikian akan dapat di-elakkan.

Dalam tinjauan yang serba ringkas ini saya telah berusaha untuk memaklumkan kepada Ahli2 Yang Berhormat mengenai dengan kesan2 kewangan terhadap langkah2 yang sedang di-amal untuk menjamin kesejahteraan, keselamatan serta ketenteraman raayat serta penduduk negeri ini. Dalam dunia di-mana banyak sekali negara2 yang sedang membangun menghadapi kesulitan2 ekonomi menurut keadaan yang berlain2an sehingga ada pula yang kesudahannya mengalami malapetaka perang dan kebuluran, maka ada-lah satu perkara yang menyenangkan yang Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah dapat menyusun peralihan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi yang teramat dalam suasana aman damai. Saya yakin di-kala sejarah tertulis kelak kita tidak akan di-dapati mempunyai kekurangan2 dalam pengendalian kita terhadap harta kekayaan negeri ini.

KERAJAAN SENTIASA MELAYAN SUNGUTAN ORANG RAMAI

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri ketika berdiri memberikan hujah menyokong usol Rang Belanjawan, 1979 telah mengulas hujah2 salah sa-orang ahli yang di-lantek yang berharap supaya anggaran belanjawan tersebut ditapis terlebih dahulu.

Ini jelas Yang Berhormat Pehin, bahawa anggaran belanjawan itu sa-belum ia-nya di-buat, ketua2 jabatan, jawatankuasa dan Ahli2 Mashuarat Menteri2 dan ada di-antara Ahli2 Dewan ada-lah berada dalam kerja2 penapisan itu.

Yang Berhormat itu juga menyakinkan kepada ahli2 yang menimbulkan keraguan supaya perbelanjaan kerajaan di-awasi mereka tidak perlu bimbang tentang perkara tersebut, kerana Kerajaan jelas-nya, mempunyai peratoran kewangan dan jabatan Odit ada-lah sentiasa melaksanakan tugas2-nya untuk melaksanakan pemereksaan.

Mengenai dengan Sekolah Sungai Teraban, YB Pehin Amar menerangkan lagi bahawa pada mula-nya tapak bagi bangunan sekolah baru itu memang sudah ada, tetapi telah di-ambil untuk Sharikat Kilang Kertas Pulpa, bagaimanapun tapak baru akan di-chari sementara keadaan sekolah yang ada ketika ini pun maseh boleh di-pakai.

Menjawab kemushkilan

dari YB Pehin Datu Singamanteri Awang Arif bin Mujun, YB Pehin Orang Kaya Amar telah menafikan yang Kerajaan tidak pernah tidak memperdulikan sungutan2 orang ramai. Ada pun tidak peduli itu, jelas Yang Berhormat ada-lah bermakna tidak langsung mengambil indah, sedangkan Kerajaan sentiasa melayan dan melaksanakan mana2 yang difikirkan, perlu walaupun tidak sa-penoh-nya.

Akhir-nya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja turut sa-pendapat dengan Ahli2 Dewan dan sama2 berharap supaya pelaksanaan peruntukan itu akan di-belanjakan dengan tidak terdapat sebarang penyelewengan sesuai dengan niat Kerajaan Baginda Yang Dipertuan dan hendak-lah melaksanakan-nya menurut kehendak Ugama Islam.

YANG Berhormat Dato Paduka Haji Othman bin Bidin ketika berhujah memberikan sokongan-nya ka-atas usol YB Pegawai Kewangan Negara menyatakan rasa kesal-nya mengenai dengan penyata hasil yang di-perolehi oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Sharikat Gas Chechair Asli dan Sharikat Pemasaran Shell yang di-anggap sa-bagai tidak memuaskan.

Untuk itu, YB Dato Pa-



YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.



TURUT memberi hujah mengenai usol Rang Belanjawan 1979 yang di-bentangkan oleh YB Pegawai Kewangan Negara ia-lah Ahli Rasmi Kerajaan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Talib bin Derwish yang menyatakan tentang bekalan ayer dan kemudahan jalan-nya.

Kata-nya, jalan2 baru akan di-bena menurut keutamaan dan pada masa ini lebih 100 batu jalan2 kechil telah di-naikkan taraf-nya dan sepanjang 40 batu jalan baru telah pun di-bena dan 10 batu jalan utama telah juga di-perbesarkan.

Jalan baru dari Muara

LEBEH 100 BATU JALAN KECHIL DI-NAIKKAN TARAF-NYA

ka-Tutong sa-jauh 40 batu telah pun di-mulakan kerja2 pembenaan-nya. YB Dato Seri Paduka seterusnya memberitahu Dewan bahawa kesulitan lalu-lintas di-Bandar Seri Begawan dan sekitar-nya sedang giat di-kaji, dan berharap hasil dari pengkajian itu nanti ia-nya akan dapat mengurangkan kesulitan tersebut.

Mengenai dengan bekalan ayer, Yang Berhormat itu menyakinkan kepada Dewan bahawa Kerajaan tidak kendor2 pada memelihara perkhidmatan yang ada di-samping terus menjalankan kajian untuk mendapatkan sumber2 bekalan ayer yang baru yang diharapkan laporan mengenai-nya akan di-terima ta-



YB Dato Seri Paduka Haji Talib bin Derwish.

hun depan. Bagaimanapun bahawa bekalan ayer yang ada ketika ini maseh tidak menchukopi.

PERUNTOKAN 1979 BIAR-LAH DI-NEKMATI OLEH ORANG2 MELAYU

duka Haji Othman menhadangkan, supaya ketiga2 sharikat berkenaan haruslah menerbitkan sa-chara menyeluruh mengenai perangkaan2-nya dan bukan dengan hanya menyatakan bilangan gelen atau kelu-

an perusahaan sahaja, tetapi kita perlu tahu mengenai jumlah serta keterangan2 lengkap, tambahan pula Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada memileki saham yang terbesar di-dalam-nya.

Menimbulkan tentang kilang baja uria yang sahingga ini maseh belum di-mulakan lagi, Yang Berhormat itu mengingatkan, tentang betapa mustahak-nya perusahaan2 demikian yang boleh mengimbangi penghasilan minyak di-negeri ini.

Berhujah lebih lanjut mengenai Rang Belanjawan 1979 yang di-hadapkan oleh YB Pegawai Kewangan Negara itu YB Dato Paduka Haji Othman bin Bidin berkata lagi sambil berharap supaya jumlah peruntukan yang di-hadapkan itu akan di-nekmati sa-bahagian besar-nya oleh orang2 Melayu.

Kata-nya, ini ada-lah akan bersesuaian dengan kehendak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang menghasratkan agar ekonomi orang2 Melayu akan bertambah tinggi taraf-nya.

Menurut-nya lagi, untong nasib orang2 Melayu haruslah di-titik-beratkan untuk memajukan mereka di-dalam berbagai bidang perekonomian supaya mereka tidak akan ter-

tinggal dalam semua lapangan negara.

Menyentuh bidang ekonomi negeri ini Yang Berhormat itu seterusnya mendakwa yang ekonomi negara kita tidak stabil dengan alasan bahawa mata wang Brunei lebih banyak mengalir keluar negeri seperti ka-Singapura, sedangkan pengaliran masuk mata wang asing ka-negeri tidak sa-berapa.

Sa-lain mengakui punca yang menyebabkan pengaliran keluar wang ringgit kita ka-republik itu ada-lah bersebab dari ramai-nya jumlah orang2 Brunei melanchong ka-sana, tetapi juga penchurahan itu sukar di-nafikan datang-nya dari pekah2 lain, kerana itu Yang Berhormat itu menshor-kan supaya di-adakan kawalan2 kepada bank2 di-negeri ini di-samping pemborong2 yang membawa keluar wang itu dengan sewenang2-nya.

Menyebut mengenai bank, YB Dato Paduka Haji Othman terfikir tentang betapa perlunya Kerajaan menubuhkan bank-nya sendiri daripada bergantung kepada bank2 perniagaan, di-mana pada pendapat-nya dengan ada-nya bank tersebut raayat akan senang bergayut untuk mendapatkan pinjaman bagi melaksanakan berbagai usaha dengan kadar pinjaman yang rendah.

Dalam hal bank ini juga Yang Berhormat itu berharap supaya perusahaan demikian akan di-bukakan kepada raayat untuk sama2 mengusahakan-nya, kerana kata-nya di-negeri ini terdapat sa-buah bank yang 90 peratus pemegang saham-nya ada-lah terdiri dari orang2 bukan anak negeri ini. Beliau berpendapat supaya bank tersebut sepatut-nya membukakan balek saham2-



YB Dato Paduka Haji Othman bin Bidin.

nya untuk orang2 Brunei dan mengurangkan jumlah pemegang saham dari luar negeri.

Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman telah menimbulkan perkara demikian ada-lah kerana timbul dari rasa puas hati-nya bahawa Kerajaan kini telah pun membuat peratoran ka-atas ahli2 perniagaan asing supaya membukakan peluang kepada raayat negeri ini untuk memegang saham sa-banyak 30 peratus di-tiap2 bidang perusahaan.

Menventuh dengan pendapatan Kerajaan di-bidang cukai dan bea, YB Dato Paduka Haji Othman berkata ada-lah di-fikirkan mengikut belanjawan bagi tahun 1979 bahawa pendapatan sa-jumlah \$29,019,000 boleh di-tambahkan lagi sa-hingga suku daripada jumlah tersebut kalau pekah2 berkenaan patoh kepada peratoran.

Kata-nya, kebanyakan peniaga2 memasokkan barang2 perniagaan mereka dengan chara dua 'invoice' yang berlainan dan ini ada-lah bertentangan dengan peratoran Kerajaan. Beliau berharap meskipun perkara itu sukar untuk di-buktikan, namun mereka yang mengamalkan-nya mesti-lah mem-berhentikan-nya. Di-sini-lah nanti akan dapat membuktikan samada mereka itu benar2 raayat dan penduduk yang taat setia kepada Baginda dan Kerajaan.

Peruntukan 1979 di-sambut baik

KETIKA berhujah menyokong usol Rang Belanjawan 1979, YB Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit menyambut baik peruntukan negara yang besar itu dengan mensifatkan ia-nya menunjukkan bahawa negara kita benar2 menem-poh perkembangan yang begitu pesat.

Yang Berhormat itu mengakui yang Brunei berkembang dalam semua bidang dan perkembangan2 itu memang-lah sesuai dengan pertumbuhan raayat yang bilangan-nya akan bertambah dan tidak boleh di-tahan2.

Sebab itu berbagai perkhidmatan terutama pelajaran, perubatan dan kesihatan terpaksa-lah di-perkembangkan dan perbelanjaan-nya juga tentu-lah banyak.

Apa yang perlu, tambah Yang Berhormat itu ia-lah sikap orang2 yang di-amanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda dalam melaksanakan projek2 kemajuan dan biar-lah berjimat chermat serta memik-irkan hanya berbelanja kepada perkara2 yang mustahak di-samping mengelakkan pembaziran.

Sikap raayat menggan-tungkan diri kepada Kerajaan perlu-lah juga di-ubah kepada sikap berdi-kari. Ini kata-nya, hendak-lah di-ujudkan dengan bimbingan dan galakan2 seperti memasokkan raayat ka-dalam lapangan2 ekonomi seperti pertanian dan perindustrian.

Yang Berhormat itu berkata lagi sumber ekonomi negara yang hanya bergan-



YB Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit.

tong kepada minyak dan gas mungkin akan habis dalam tempoh 20 tahun, dan sebab itu perlu-lah di-susun dari sekarang untuk menambahkan penghasilan negara supaya bilangan raayat yang makin bertambah itu tidak akan menjadi beban kepada Kerajaan semata2.

Simpanan wang kita di-luar negeri juga, jelas Yang Berhormat itu, ada-lah tidak memadai dan tidak boleh di-harap2kan, kerana itu, susunan penggunaan tenaga raayat hendak-lah di-ator dengan sebaik2-nya.


CORDIAL RELATIONS TO DERIVE FRESH INSPIRATION FROM SIGNING OF

AGREEMENTS

Below is the full text of the New Year Message of the British High Commissioner, Mr Arthur Watson.

the birth of the new is traditionally a time to review what has passed, and contemplate what is to come, with cheerfulness and resolution. It is often likened to milestone on a journey, telling us not that we have arrived, but how far we have come, and how far we have yet to go. I have only had

the privilege of being associated with the affairs of Brunei for some two months, so I am not qualified, even if I was entitled, to reflect on the progress and achievements of the old year, or the culmination of recent discussions between His Highness's Government and Her Majesty's Government in the United Kingdom. Nevertheless, I believe I may rightly express my personal gratitude for, and satisfaction with the continuing evidence which I have found in Brunei of the cordial relations which so happily exist between our two countries. These are indeed very shortly to derive fresh inspiration from the formal and ceremonial signing of the agreement reached in London in 1978.



Awang Arthur Watson.

May I close by extending to you all once more my warmest good wishes for the New Year.

I am grateful for the invitation to say a few words at this New Year Season, both for myself, as British High Commissioner in Brunei and on behalf of Her Majesty's Government in the United Kingdom.

May I therefore extend a sincere message of greetings, goodwill, and best wishes for the coming year, to His Highness the Sultan, His Highness the Seri Begawan Sultan, and all the Royal Family, to members of His Highness's Government, and to all the people of Brunei. In saying this, I am sure that I speak also for the many British friends of Brunei, both here in the State, in the United Kingdom and elsewhere.

The passing of the old year, and

A continuing raising of standards in all fields

WHEN I addressed this Council a year ago, I said that I anticipated that the balance standing to the credit of the Consolidated Revenue Account at 31st December 1978 would be Br\$6,383 million. Expenditure during 1978 has proved to be less than was estimated and it now appears that at the close of this year the accumulated balance should be Br\$6,649 million.

In 1979 Revenue is expected to be Br\$2,386 million whereas Expenditure is estimated to be Br\$979 million giving a Revenue surplus of Br\$1,407 million. A contribution of Br\$100 million will be

made to the Development Fund so that the balance standing to the credit of the Consolidated Revenue Account at 31st December 1979 should be Br\$7,956 million.

The detail's of Revenue and Expenditure making up the Budget for 1979 are contained in the Estimates laid on the table at the beginning of this session and designated as Paper No 1. They are the result of a detailed examination of all departmental requests for funds in 1979 by a committee consisting of Honourable members of this Council. I should like to pay tribute to the conscientiousness of the Honourable members in carrying out this task. The need for such careful examination did not arise from the necessity to tailor expenditure within strict limitations but rather to ensure that in providing public services of a high standard the State's spending would be neither wasteful nor nugatory. There was no necessity during the year to alter the pattern of taxation and the careful negotiations which were carried out with the Oil and Gas companies during the last few years will hopefully result in a period of financial stability for some time to come.

The following is the second part of the Budget Speech by the State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

By reference to the Estimates of Revenue and Expenditure, Honourable members will be able to see that the pattern of expenditure on recurrent services determined in the last few years, is being maintained. The Government is endeavouring to improve and extend the public utilities of Electricity, Water and Telecommunications, to provide essential services such as the Fire Brigade, Posts, Prisons and Surveys, to maintain adequate Port requirements both Sea and Air, to upgrade roads and control internal waterways, to maintain a fair and just Judiciary, to husband the natural resources, and at the same time provide for the religious, social, medical and cultural needs of the people.

In all these fields there has been a continuing raising of standards. The enthusiasm of Heads of Departments in meeting the challenge of modernisation and development in their particular spheres is commendable and such financial restraints as are exercised are designed to ensure that progress in all areas of Government is co-ordinated rather than to curb desirable improvements because of the need for financial stringency.

The need for adequate security forces continues to make demands on the country's financial resources but emphasises the Government's

determination to ensure that the public need have no fear of the disruption of the present peaceful conditions by insurgent elements. Both the Royal Brunei Police and the Royal Brunei Malay Regiment with its land, sea and air elements have grown nearer to their optimum establishment and are sophisticated in training and weaponry. A great part of the expenditure in respect of buildings and installations. Such annual capital expenditure will gradually be reduced as the works are completed.

The outstanding progress during the last few years in the Department of Education is being sustained. New schools continue to be built, existing ones enhanced and standards of teaching are improving as graduates and trained teachers return from overseas training. That education is an investment in the future is no mere slogan. A conscious effort is being made to ensure that today's children will be fitted to face the challenges which lie ahead and equipped to take decisions and carry the responsibility for them. The conflicting demands of creating strong, resilient individuals and the desire to live in a soft and comfortable society are recognized and hopefully will be reconciled.

Turning now to Development, the present plan originally envisaged the spending of Br\$500 million over a period of five years from 1975-1979. This was subsequently increased to Br\$700 million and then to Br\$760 million. The latest re-assessment of requirements necessitates an increase to Br\$790 million and this revised total of scheme value is reflected in the present budget.

Provision was made last year for expenditure of Br\$208.4 million during 1978 but it now seems that the total for the year is likely to be Br\$108.8 million. Development expenditure is not susceptible to precise annual estimation because financial provision must be made for goods and services which are

ordered in the year in question but which may not be delivered until the following year. Also building times are usually optimistic and estimating officers need to ensure that financial provision is available rather than risk holding up work pending the allocation of funds.

The amount which will stand to the credit of the Development Fund at 31st December 1978 is now estimated to be Br\$160.5 million and a further contribution to the Fund of Br\$100 million will be made during 1979. Expenditure during the year has been estimated as Br\$183.6 million which should leave a balance in the Fund at 31st December 1979 of Br\$76.9 million.

Details of the make-up of the estimated expenditure during 1979 are contained in the Estimates of Revenue and Expenditure which were laid on the table as Paper No 1 at this session. By reference to the Estimates Honourable members will be able to see the progress which is being made in the implementation of the present Development Plan.

The Plan covering the years 1975 to 1979 had as its main aim, the diversification of the economy through the development of the natural resources of Forests and Fisheries and of Agricultural products on a large scale. In addition it was anticipated that it would be possible to establish a petrochemical industry in the form of an ammonia/urea fertiliser plant. Ideally, although the Government would provide the initiative, it was hoped that major development would be undertaken through the private sector.

In the event, two of the envisaged major projects, namely the Ammonia/Urea Fertiliser plant and the Paper Pulp project necessarily had to be deferred. In the case of the Ammonia/Urea Fertiliser plant the quantities of natural gas which were needed could not be guaranteed because of the commitment to the Liquefied Gas Undertaking and the matter will be reviewed in two or three years. The financial return from gas used for liquefaction is greater than from other uses so there has been no financial set-back and of course the development of any industries which need oil or gas as a feedstock does not represent true economic

diversification.

The Paper Pulp project which envisaged the extraction of timber from the swamp forest over a period of twenty years, the milling of such timber and the subsequent export of the wood pulp, also had to be deferred because of the depressed state of the world market for paper pulp. The Company responsible for the project is still carrying out investigations and it should be possible to re-suscitate the scheme in due course. Through re-afforestation it would be possible for the plant to operate indefinitely.

Other uses for the Forests are under investigation including the establishment of a Timber Complex but developers interested in this and other industries are concerned about the depressed trade conditions throughout the world and progress is slow.

The purchase and commissioning of a Fisheries Survey vessel have been effected and an assessment of the viability of deep water fishing is in hand. Investigations into estuarine aquaculture have been carried out and possible projects are being formulated. A large-scale, fresh water, prawn project is being undertaken in the private sector and it is anticipated that the construction of ponds and channels will commence by the end of the year.

Boats for brigade

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Fire Brigade is due to take delivery of two new fast boats designed to fight fires on ships and along waterways.

The craft, the first of their kind to be built in Singapore, are now on test and trial runs in the republic.

Each boat is fitted with sophisticated fire-fighting equipment and flashing sirens and has a top speed of forty-nine knots.

The boats costing a total of one hundred and ninety thousand dollars can also be used to fight oil pollution.

Judo belts

JALAN MUARA. — Thirty-five officers and men of the Royal Brunei Police Force last week were awarded judo belts and certificates at a ceremony held at the Police Training Centre here.

The fifteen officers and twenty constables, who are at present attending a refresher course, received the belts and certificates from the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya who is also the President of the Brunei Amateur Judo and Karate Association in his speech urged them to keep on training.

Of the thirty-five, sixteen received orange belts, nine green belts, and the rest blue and yellow belts.

This brought the number to nearly two thousand judo belts which have been awarded to personnel of the Royal Brunei Police Force.

Recorded Delivery Service

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postal Services Department has introduced a new service known as "Recorded Delivery Service".

This Service within Brunei only resembles the present registered letter service except with a lower fee of 50 cents per article in addition to the usual postage as compared with

\$1.00 per article for the registered letter service.

Compensation up to \$10.00 will be paid for the loss of an article sent by the recorded delivery service.

This new service is available throughout the State.

Other conditions will be available from all post offices.

KITA umat Islam hanya mempunyai satu dasar hidup, ia-itu berjuang untuk mendapatkan keredhaan Allah. Dasar ini-lah pokok dan mumpakat, yang rimbun dan munchoh dalam kalimat, "Tiada Tuhan Melainkan Allah, dan Nabi Muhammad itu Pesuruh-Nya." Kalimat pendek yang kaya dengan rahsia ini menjabar kita untuk memahami erti hidup dan erti kemanusiaan, dan bahkan erti kita sa-bagai muslim. Bagi penganut2 Islam tidak ada pilihan, samada mahu hidup dalam bidang kebendaan atau agama semata2, sa-bagaimana terdapat dalam agama dan peradaban2 yang lain. Bagi Islam, seluruh hidup, baik dalam usaha mendapatkan bahan2 makanan-minuman, harta, kuasa dan lain2 lagi, mesti-lah jangan lari dari batas2 agama, mesti di-ukur atau di-sukat dengan sukut2 Uqama, kerana Islam itu bukan-lah sekadar mengatol bagaimana sembahyang, mengurus jenazah, puasa, naik haji dan lain2, tetapi Islam ada-lah suatu sistem nilai yang padu, yang sempurna.

Kita timbulkan hal ini sa-bagai ulangan kepada tafsiran Islam, mudah2an akan menjadi peringatan. Kerana keadaan dunia dan manusia hari ini hampir2 tidak berbedza dengan zaman pra-sejarah dahulu, di-mana terdapat pertarungan kehendak dan hawa nafsu. Keperchayaan dan kehidupan beragama menjadi lemah, digantikan oleh perangai lebeh gemar "menurutkan hati" dari berhakim kepada akal dan perintah2 Uqama. Akibatnya banyak-lah makiat dan timbul sikap tidak indah kepada agama. Dan sebaya dengan pudar nya

UMAT ISLAM HANYA MEMPUNYAI SATU DASAR HIDUP

aqidah, masharakat pun menjadi lemah, dan pada ketika itu pula musuh2 yang anti Islam menghunus senjata-nya. Senjata musuh2 itu banyak, ada yang bernama api dan besi, tetapi tidak kurang pula yang di-beri nama "tipu helah" dan "diplomasi" tetapi bahaya-nya ada-lah sama sahaja, untuk melumpuhkan agama dan me-mikat hati orang2 Islam supaya meninggalkan ajaran2 agama Allah ini.

Ini-lah di-antara kechenderungan manusia hari ini, memilik kesesatan dari kebenaran. Akibatnya, samada di-sadari atau tidak, manusia itu telah di-kepong dan di-buru ketakutan, tidak perchaya pada diri dan mudah di-kotak-katikan. Pada hal tidak ada sebab mengapa mesti takut, gelisah dan dukachita, sedang manusia hari ini dalam mewah, makmor dan serba maju.

Itu-lah dia, tuan! chubaan-nya: adapun ketakutan dan kegelisahan itu timbul, kerana manusia—termasuk umat Islam telah hilang pegangan. Mereka melupakan pegangan-nya, lupa bahawa ta'at kepada Allah dan ajaran agama-Nya itu ada-lah satu sumber utama melahirkan kebenaran sejati, menghidupkan hati dan jiwa, yang mengangkat darjat dan mertabat umat Islam di-zaman lampau-nya. Bukan-lah umat Islam itu dahulu-nya kechil sahaja, berhadapan dengan orang2 mushrik yang besar dan kuat, tetapi dalam sejarah per-



juangan Rasulullah dan para sahabat menegakkan risalah Islam, tidak pernah mereka meminta tolong kepada orang2 yang tidak sa-aqidah, tetapi kenyataan-nya menakjubkan, bahawa lambat laun golongan yang kuat menentang Islam itu akhir-nya tundok dan menerima Islam. Apa-kah yang menundukkan musuh sa-hingga akhir-nya menjadi saudara sa-ugama, atau setidaknya-nya menjadi orang yang segan dan menghormati kita? Tidak lain jawab-nya: kerana pegangan kita kuat, ajaran agama kita jalankan dengan tidak ada pandang kiri pandang kanan baru mau buat, pekerjaan kita jalankan semata2 atas asas takut kepada Allah. Ini-lah rahsia, rahsia kejayaan dan ketahanan umat.

SA-TIAP insan yang hidup melata di-permukaan bumi ini ingin hidup aman dan tenang tanpa ada-nya gangguan2 yang sering mengganggu dan mengussek perasaan. Lantaran itu, ada macham2 chara mereka menchari ketenangan jiwa yang sedang di-landa oleh berbagai2 masaalah hidup di-dalam dunia yang serba maju dan serba moden ini.

Ada yang melarikan diri ka-desat pendalaman yang sepi dan hening dengan tujuan untuk mengelakkan diri dari suara kebisingan dan kehangaran kota yang mengganggu fikiran dan merunsingkan hati. Ada pula yang membiasakan diri mereka dengan mendampingi minuman2 keras dengan tujuan untuk melupakan segala masaalah hidup yang mereka hadapi pada sa-tiap hari dan sa-tiap saat.

Chara yang paling baru yang di-temui dan seterusnya di-amalkan oleh sa-tengah2 orang sekarang ini ia-lah dengan menelan pil2 tidor yang mengandongi bahan2 dadah, untuk melalaikan akal fikiran mereka supaya tidak ada lagi sesuatu masaalah yang meng-

DENGAN MENINGAT ALLAH HATI MENJADI TENTERAM

ganggu ketenteraman jiwa mereka ketika menghadapi jalan hidup yang berliku2 di-alam ini.

Sebenar-nya, segala apa yang di-lakukan oleh umat manusia untuk menchari ketenangan jiwa yang hakiki di-zaman moden ini ada-lah jauh terpesong dan jauh menyeleweng dari bimbingan yang di-arahkan oleh Allah s.w.t. dalam kitab suci Al-Kor'an yang di-turunkan kepada umat manusia untuk memandu ka-jalan yang benar dan bersesuaian dengan naluri dan tabiat semula jadi manusia yang berjiwa halus dan suci murni.

Pada hakikat-nya ketenangan jiwa itu ada-lah daripada nikmat Allah yang di-korbankan khas kepada golongan tertentu saja. Bukan-nya sebarang orang yang mendapat korniaan yang bersifat istimewa itu. Mereka itu ada-lah terdiri dari golongan2 manusia yang benar2 beriman kepada Allah dan beriman kepada ajaran2 suci yang di-turunkan-Nya. Tambahan lagi mereka yang beriman itu sentiasa mengambil segala sesuatu yang menjadi masaalah hidup mereka kepada Allah s.w.t. yang mengatol dan mentadbirkan

Bingkisan minggu ini

kehidupan kita di-alam dunia ini.

Hanya dengan pertolongan Allah s.w.t. saja-lah segala masaalah hidup yang di-hadapi oleh umat manusia itu dapat di-atasi, ia-itu dengan mengingat-Nya ketika di-dalam kebuntuan fikiran. Ini-lah satu2-nya penawar yang paling mujarab untuk mengembalikan ketenangan jiwa yang sedang di-pengaruhi oleh perasaan runsing yang mengganggu ketenangan jiwa-nya.

Allah s.w.t. telah berfirman di-dalam Surah Ar-Rad ayat 28, yang bermaksud kira2: *Orang2 yang beriman itu, hati mereka menjadi tenteram kerana mengingati Allah. Ingatlah, bahawa dengan mengingati Allah itu hati menjadi tenteram.*

Berpendukan firman ini, dapat-lah kita mengatakan bahawa dengan mengingat Allah itu hati menjadi tenteram. Jadi-nya, sa-telah kita berjaya memperolehi ketenangan jiwa yang sa-lama ini kita 'kakas2' dan kita 'unjar2' di-merata2 tempat, sa-hinggakan kita tersalah pilih jalan untuk menuju ka-jalan itu, ia-itu jalan yang salah dan bertentangan dengan luno2 keIslaman yang chuma berunsor ketenangan yang sementara saja, maka jangan-lah pula kita chuba2 hendak lari dari hakikat yang sebenar-nya, yang mana kita telah beroleh ketenangan daripada-nya. Dan sa-patut-nya kita tambah lagi keimanan kita kepada Allah dengan melipat-gandakan lagi keimanan kita kepada-Nya kerana itu-lah satu2-nya chara untuk memperolehi ketenangan jiwa.

Dengan tegoh-nya rasa keimanan yang tertanam dalam jiwa dan hati sa-seorang muslim itu, tentu-nya ia akan tahan untuk bersabar dalam masa menghadapi sesuatu ujian dan sa-tiap dugaan Allah dalam penghidupan-nya dengan perasaan tenang dan tenteram.



SEMINAR Dakwah Islamiyah yang bertema "mendakwah diri sendiri dan masharakat" anjoran Jabatan Hal Ehwal Uqama dengan kerjasama Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan telah berjaya di-laksanakan baru2 ini. Seminar tersebut yang di-jalankan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah (Lelaki) di-ibu negeri telah di-rasmikan oleh YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uqama Brunei. Dan sa-belum upacara perasmian seminar di-langsongkan para peserta telah mendahului perkumpulan dengan bersembahyang jemaah fardhu Maghrib. Seminar itu akhir-nya telah di-tutup rasmi oleh YB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia

Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan.

Gambar2 ini menunjukkan para peserta dan hadirin ketika berjemaah fardhu Maghrib (atas), sa-bahagian dari peserta yang menyertai seminar tersebut yang terdiri dari anggota Polis Diraja Brunei (sa-belah) dan bawah para peserta serta hadirin ketika mendengar ucapan perasmian. (Gambar JHEU).

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb Januari, 1979 hingga ka-hari Selasa 9hb Januari, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
3hb Jan.		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
4hb Jan.		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
5hb Jan.		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
6hb Jan.		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
7hb Jan.		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
8hb Jan.		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
9hb Jan.		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.





GAMBAR atas Tuan Yang Terutama itu ketika turun ka-kapal KDB Pejuang dengan di-sambut oleh YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Mejar Kefli (kanan) untuk melihat lebeh dekat lagi peralatan yang di-miliki oleh kapal berkenaan dan gambar sa-belah beliau ketika melihat peralatan salah sa-buah bilek kapal tersebut, kelihatan di-sebelah kanan Pehin Datu Mejar Kefli sedang menerangkan sesuatu.



SA-BAHAGIAN dari anggota Angkatan Laut Pertama yang turut menyambut ketibaan KDB Pejuang sedang memerhatikan kapal tersebut.



KDB PEJUANG kelihatan dengan megah-nya ketika hendak merapat di-dermaga sa-waktu ketibaan-nya (gambar kanan) dan ia-nya mula merapat (gambar kiri).

TUAN Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson buat pertama kalinya sejak beliau menjalankan tugas di-negeri ini telah melakukan lawatan ka-Pengkalan Angkatan Laut Pertama AMDB di-Muara baru2 ini.

Lawatan tersebut telah dilakukan di-sebelah tengahari dan di-iringi oleh Pegawai Pemerintah AMDB Brigadier Dato Norman Robert manakala ketibaan beliau pula telah di-sambut oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Laut Lt. Kol. T. Wilts.

Dalam lawatan itu Awang Watson telah memerhatikan lebeh dekat lagi peralatan kapal peronda KDB Pejuang yang baru sampai ka-negeri ini dan kemudian-nya beliau telah diperlihatkan gerakan membasmis penyeludup2 ka-negeri oleh Pasokan Bot Khas AMDB.



PESUROHJAYA TINGGI BRITISH LAWAT PENINGKALAN LAUT AMDB



MENAWAN lanun2 gambar atas ada-lah salah satu tunjok-chara yang dapat di-saksikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British ketika dalam lawatan tersebut.



PEGAWAI Pemerintah Angkatan Laut Pertama, Lt. Kol. T. Wilts kelihatan sedang menerima tabek hormat ketika beliau hendak menaiki dan memeriksa kapal tersebut sa-telah merapat di-dermaga.

KDB PEJUANG SAMPAI

KDB PEJUANG, kapal peronda yang kedua kepunyaan Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB telah sampai ka-pengkalan angkatan itu pada petang Isnin yang baru lalu.

KDB Pejuang yang telah di-beli oleh AMDB dari Singapura mempunyai kelengkapan yang sama dengan KDB WASPADA yang telah sampai beberapa bulan yang lalu dan telah menjalankan perkhidmatan-nya dalam meronda per-

ayeran pantai dan Telok Brunei. Sa-buah lagi kapal yang sama, KDB SAT-RIA di-jangka akan sampai pada tahun depan.

KDB Pejuang telah di-pandu oleh YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Mejar Kefli dari Singapura dan saat ketibaan-nya di-perayeran negeri ini telah di-sambut oleh dua buah kapal peronda yang lain sa-belum merapat di-dermaga Angkatan Laut Pertama.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 3HB. JAN.

PETANG	
5.45	PEMBUKAAN
5.46	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58	SUSUNAN RANCHANGAN
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	STAR TREK — "The Alternative Factor"
6.27	AZAN MAGHRIB
6.31	STAR TREK — sambongan
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	THE PAPER CHASE — "Money"
7.40	AZAN ISHA
7.44	THE PAPER CHASE — sambongan
8.00	BEWITCHED — "No Harm Charm" Uncle Arthur meyakinkan Darrin bahawa satu pemakaian azimat akan melindungi-nya
8.30	WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45	MAJALLAH
9.15	SHOW OF THE WEEK — "Cilla Black"
10.05	GUSTI
11.05	SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 4HB. JAN.

PETANG	
5.45	PEMBUKAAN
5.46	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58	SUSUNAN RANCHANGAN
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	VALLEY OF THE DINOSAURS — "Fire"
6.27	AZAN MAGHRIB
6.31	DR. WHO — "Ark In Space" Bahagian Pertama
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	HOW THE WEST WAS WON
7.40	AZAN ISHA
7.44	HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.00	HIDAYAT
8.30	WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45	DOKUMENTARI MELAYU: Audubon Wildlife Theatre — "They Live By Water" Ranchangan ini memperlihatkan kehidupan mikroskopik dalam ayer.
9.15	TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15	SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 5HB. JAN.

PETANG	
5.15	PEMBUKAAN
5.16	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.28	SUSUNAN RANCHANGAN
5.30	AL-KESAH
5.45	CLOPPA CASTLE — "Off Duty"
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.27	AZAN MAGHRIB
6.31	C. B. BEARS — "Follow That Mountain"
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	TELEMATCH
7.40	AZAN ISHA
7.44	TELEMATCH — sambongan
8.00	DICK EMERY
8.30	WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45	THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30	QUINCY — "Death Casts A Vote"
10.20	NIGHT GALLERY
11.10	SIARAN TAMAT.

SABTU — 6HB. JAN.

PETANG	
5.15	PEMBUKAAN
5.16	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.28	SUSUNAN RANCHANGAN
5.30	THE LOST ISLAND — "Deadly Bargain"
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	SESAME STREET
6.29	AZAN MAGHRIB
6.33	SESAME STREET — sambongan
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	DOCTORS' HOSPITAL — "Watchman, Who Will Guard Thy Sleep?" Ranchangan terakhir dalam siri ini. Apabila eksekutif wayang gambar Jackson Taggart di-masukkan ka-hospital untuk ujian2, ia dengan segera mula memberi arahan kepada kakitangan hospital.
7.42	AZAN ISHA
7.46	DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.00	GURAU SENDA
8.30	WARTA BERITA DALAM



PELAKUN2 undangan dalam siri Doctors' Hospital kali ini ia-lah Robert Loggia dan Cliff De Young. Dalam cerita ini, eksekutif wayang gambar Jackson Taggart di-masukkan ka-hospital untuk menjalani ujian2, ia dengan serta merta memberi arahan pada kakitangan hospital. Hanya Almo sahaja yang dapat menerima tingkah laku Taggart yang melampau itu, dan ia juga yang akhir-nya dapat menolongnya menghadapi keadaan-nya yang membahayakan.

Dalam sa-buah kesah lain, Maggie Stevens, penyelia bilek pembedahan, menghadapi kesulitan dengan Dr. Goodwin, dan akhir-nya menyebabkan ia kehilangan pekerjaan.

Gambar: George Peppard sa-bagai Dr. Jake Goodwin (kiri) dan Albert Paulsen sa-bagai Dr. Janos Varga pelakun2 utama dalam siri Doctors' Hospital.



TREASURE ISLAND — Episod ke-empat dan yang terakhir. Tayangan-nya pada hari Isnin jam 6.02 malam. Gambar: Paul Copley (kiri) sa-bagai Ben Gunn bersama Ashley Knight (Jim Hawkins). Sebaik2 sahaja mereka mendarat, Jim meminta bantuan Ben Gunn, sa-orang lanun yang membuang diri di-pulau itu sejak beberapa tahun. Oleh kerana merasa marah atas ke-enggan Kapten Smollett untuk mengemalkan peta harta karun, para lanun menyerang benteng itu.

Akhir-nya, sa-lepas menghadapi serangan dan berbagai penentangan, Silver dan orang2-nya di-alahkan. The Squire dan kumpulan-nya mengambil harta karun itu dan dengan harta itu pulang ka-England dengan selamat-nya.

BAHASA MELAYU

8.45	MAJALLAH
9.15	STARKY AND HUTCH
10.05	PREMIER SOCCER
10.55	TAYANGAN MALAM SABTU — "Hell In The Pacific" Sa-buah drama peperangan yang terjadi pada tahun 1944, di-bintangi oleh Lee Marvin dan Toshiro Mifune, sa-orang pegawai angkatan laut Jepun dan sa-orang askar Amerika terpaksa tinggal bersama2 di-sebuah pulau kecil Pasifik dan satu perhubungan yang menarek terjadi.
12.40	SIARAN TAMAT.

AHAD — 7HB. JAN.

PETANG	
5.15	PEMBUKAAN
5.16	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.28	SUSUNAN RANCHANGAN
5.30	CHOMAT DAN CHOMEL — "Trip To London"
5.45	DAISY DAISY
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	HOW
6.29	AZAN MAGHRIB
6.33	THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "Foul Play"
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	PROJECT U.F.O. — "The Desert Springs Incident" Satu objek terbang yang tidak dikenali mengejar sa-orang ajen pang-gong wayang dan sa-orang penulis wayang gambar tatkala mereka turun dari puncak sa-buah gunung dalam terem udara.
7.42	AZAN ISHA
7.46	PROJECT U.F.O. — sambongan
8.00	THE ROLF HARRIS SHOW
8.30	WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45	THE SIGNING OF THE INDEPENDENCE TREATY (Repeat of LIVE Transmission)
9.30	MUTIKA
10.15	DRAMA: RED LETTER DAY — "Ready When You Are, Mr. McGill"
11.05	THE COLLABORATORS — "15 Below And Falling" Satu panggilan keheemasan untuk Brewer menempatkan-nya dalam keadaan yang ganjil di-mana ia menyiasat satu kemalangan trafik.
11.55	SIARAN TAMAT.

ISNIN — 8HB. JAN.

PETANG	
5.45	PEMBUKAAN
5.46	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58	SUSUNAN RANCHANGAN
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	TREASURE ISLAND — Bahagian ke-empat
6.29	AZAN MAGHRIB
6.33	TREASURE ISLAND — sambongan
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	LOU GRANT — "Sect" Lou terjurus ka-dalam pergerakan Hare Krishna apabila pengarang Tribune Charlie Hume merasa bimbang anak-nya termasuk dalam golongan ugama ini.
7.42	AZAN ISHA
7.46	LOU GRANT — sambongan
8.00	SKILFUL SOCCER
8.30	WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45	THE SIGNING OF THE INDEPENDENCE TREATY — Special Programme
9.45	HAWAII FIVE-O — "The Two Faced Corpse"
10.35	WINGS — "The Burning Question"
11.20	SIARAN TAMAT.

SELASA — 9HB. JAN.

PETANG	
5.45	PEMBUKAAN
5.46	KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58	SUSUNAN RANCHANGAN
6.00	RENGKASAN BERITA
6.02	SESAME STREET
6.29	AZAN MAGHRIB
6.33	SESAME STREET — sambongan
6.55	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM	
7.10	NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES
7.42	AZAN ISHA
7.46	NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
8.00	SERIKANDI
8.30	WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45	ARENA SOKAN — "Malaysia Cup Brunei vs Selangor"
10.30	THE PROFESSIONALS — "Stake Out" Bodie dan Doyle di-hantar ka-tempat permainan bowling untuk menyiasat pembunuhan sa-orang ajen C15.
11.35	SIARAN TAMAT.

PERTANDINGAN MUTIKA '79

SUKU AKHIR SIRI NO: 1

Tarikh siaran: 7hb Jan. 1979

TUJUH orang peserta akan bertanding dalam bahagian suku akhir MUTIKA '79 pertama. Mereka ada-lah seperti yang AWDA dapat saksikan dalam gambar di-bawah ini. Dua di-antara mereka akan di-tentukan oleh para hakim pusingan separoh akhir nanti. AWDA hanya di-kehendaki membubuh Nombor saja ka-dalam petak yang kosong, dalam Borang di-sediakan, di-bawah.

Di-bawah ini kami sediakan satu petak kosong bagi AWDA memilih siapa-kah PESERTA YANG KETIGA yang layak yang AWDA chalonkan memasoki pusingan separoh akhir nanti. AWDA hanya di-kehendaki membubuh Nombor saja ka-dalam petak yang kosong, dalam Borang di-sediakan, di-bawah.

Pilihan AWDA mesti-lah sampai kepada Penerbit MUTIKA '79 tidak lewat dari hari Sabtu 13hb Januari, 1979 jam 3.00 petang.



1. A.T. Tengah



2. Dk. Fatimah Pg. Md. Noor



3. A. T. Metussin



4. Dk. Norsaadah Pg. Mahmud



5. Abdul Latif Momin



6. Rabayah Dollah



7. Amedun Md. Yassin

---POTONG DI-SINI---

PENERBIT MUTIKA '79
RADIO TALIVISHEN BRUNEI,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

MUTIKA '79 SUKU AKHIR
SIRI NO:

Saya (Nama penuh): I/C No:

Alamat penuh:
memilih peserta yang di-nyatakan dalam petak sa-bagai chalon yang ketiga untuk
memasoki ka-pusingan separoh akhir.

NO:

Tarikh:

Tanda tangan.



INTISARI
rtb
MINGGU INI

Ranchangan2 baru bahagian

BAHAGIAN Melayu Radio Talivishen Brunei, akan memperkenalkan beberapa buah ranchangan baru.

Ada-lah di-hasratkan dengan ada-nya sa-bahagian lagi ranchangan2 baru yang akan di-terbitkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei, sedikit sa-banyak akan dapat memberi pengetahuan dan hiburan kepada orang ramai, dalam usaha untuk berdamping rapat dengan rakyat dan penduduk negeri ini melalui ranchangan2 yang di-sertai oleh orang ramai dan di-siarkan oleh Radio Talivishen Brunei.

Antara ranchangan2 yang akan di-terbitkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei itu nanti ia-lah:

1. BRUNEI GRADUATES:

Ranchangan ini akan memperkenalkan 'personalities' pemegang2 ijazah di-Brunei yang terdiri dari anak2 tempatan yang sudah pun menamatkan jawatan2 yang penting di-bawah pentadbiran Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan. Pemegang2 ijazah tersebut akan di-temu-ramah oleh penerbit ranchangan bagi mengetahui bagaimana rahsia kejayaan mereka dalam satu2 jurusan untuk mendapatkan satu2 ijazah itu. Mereka juga akan di-minta menceritakan bagaimana mereka menghabiskan masa lapang mereka. Di-samping itu penerbit ranchangan ini, akan juga meninjau pendapat mereka mengenai dengan perkembangan Brunei Modern. Ranchangan ini akan di-ter-

bitkan sa-minggu sekali dalam jangka masa 15 minit. Penerbit ranchangan ia-lah Abd Halim Mohd Hashim.

2. MENGENANG ZAMAN SILAM:

Ranchangan ini akan membawa pendengar-nya mengikuti peristiwa2 zaman silam yang benar2 menjadi kenangan, baik cerita dari mulut ke-mulut, atau cerita2 yang di-dapati dari pengalaman hidup yang pernah di-lalui oleh sa-seorang yang akan di-undang menjadi tetamu kepada ranchangan ini. Penerbit ranchangan ini, akan keluar mencari bahan ranchangan dan membuat temu-ramah dan merakamkan cerita2 dan peristiwa2 yang menjadi kenangan. Ranchangan 15 minit ini akan di-terbitkan oleh Bahmin Hamdan.

3. MAJALLAH SHELL:

Ranchangan ini akan di-muatkan dengan berita2 dan kegiatan2 dari padang Minyak Seria. Ranchangan sa-tengah jam ini, antara lain akan di-siarkan juga dengan sejarah Padang Minyak Seria, bagaimana minyak di-proses dan di-export keluar negeri, yang menjadi sumber utama bagi kekayaan Negeri Brunei. Ranchangan ini akan di-terbitkan bersama oleh Mohd Shah Salleh dan Abd Manaf Adam.

4. SEKITAR MASHARAKAT:

Ranchangan ini akan di-terbitkan oleh Mohd Ali Majid. Ranchangan ini akan di-siarkan dengan masalah2 yang di-alami oleh masyarakat ketani baik di-segi pelajaran, kebudayaan mahu-pun

soal2 ekonomi.

5. CHITRA-WARANG:

Ranchangan ini kami akan akan chuba membongka mencari penulis2 tanah bagi menghasilkan Dongeng Sejarah Tanah atau cerita2 lama. 'Dewa Bukit Sailelah' pun cerita2 yang di-dikisahkan dari mulut ke-mulut orang tua2. Pendek kata ranchangan ini akan menceritakan lakonan. Penerbit ranchangan ia-lah Abdullah Awang Daman.

6. POP SCIENCE:

Sa-buah Ranchangan ini yang khas di-tujukan kepada Anak2 Muda di-bangku lah. Ranchangan ini membimbing mereka mengikuti mata pelajaran Science mudah hari ini bil mengikuti hidangan 'Pop' yang di-pilihkan menjadi kegemaran mudu. Tujuan ranchangan ia-lah mempelajari sa-chara mudah.

7. USAHA JAYA:

Ranchangan ini akan di-siarkan dengan kisah usaha dan berniaga.

Ranchangan ini juga bertujuan untuk mengetahui 'Tokoh' peniaga dan usaha di-negeri ini menceritakan pengalaman satu2 usahawan mereka dalam pangan yang tertentu.

Ranchangan ini akan di-terbitkan oleh Yusoff dan dengan yang di-ranchangan ini sedikit banyak akan dapat-lah

Senandong Lama Diang Dangan ke-udara

BILA terdengar nama Urko, tentu melayang ingatan kita ka-sa-buah filem TV yang berjudul Planet Of The Apes satu2nya cerita yang di-minati. Jadi tidak ada timbol perkataan tidak mungkin kalau cerita seperti tadi berlaku untuk di-jadikan drama yang di-sulam dengan Diang Dangan. Sempena ini Bahagian Melayu Radio Brunei mempersembahkan Kisah Awang Ambuk Kuning ekoran Ruangan Bertuturan yang lalu chuma bedza-nya Diang Dangan yang mungkin ganjil bagi pendengar awda dari segi persembahan. Walau bagaimana pun ikuti saja siaran-nva pada Sabtu malam jam 7.30.



GAMBAR atas kelihatan penerbit mengarah bagi menghidupkan jayakan oleh Bahmin Hamdan, dan Abdul Ghani Abu Bakar.

KA-ARAH MENCHAPAI KEMERDEKAAN

ISTIADAT menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Brunei-United Kingdom akan dilaksanakan pada hari Ahad, 7hb Januari 1979 di-Lapau di-Bandar Seri Begawan.

Bersempena dengan istiadat yang bersejarah itu, Pelita Brunei menyiarkan beberapa lembaran bertulis yang menjadi sejarah penerusan perjuangan ka-arrah memperbaiki perjanjian demi perjanjian sa-hingga terchipta-nya kemerdekaan Brunei yang akan di-kechap pada tahun 1983.

Untuk menjayakan ini di-ucapkan terima kasih atas sumbangan kerjasama dari Muzium Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memberikan kebenaran untuk membuat rujukan hingga dapat di-usahakan renchana2 yang tersiar di-halaman ini.

HASRAT PENUBOHAN PERLEMBAGAAN PERTAMA

DALAM tahun 1953, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei (sekarang Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan); melahirkan hasrat Baginda bagi mengadakan satu Perlembagaan Bertulis bagi Negeri Brunei, dalam mana sharat2 yang wajar boleh dibuat untuk Kerajaan serta kesejahteraan negeri ini. Untuk menchapai chita2 Baginda itu, sa-buah jawatankuasa bagi memestikan pendapat2 raayat telah di-bentuk untuk memberikan sokongan pada sharat2 yang akan dimasukkan dalam isi kandungan Per-

lembagaan yang di-ura2kan itu.

Di-saat yang bersejarah dan di-hari yang chukop bertuah; pada 29hb September, 1959, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dengan peristiharan Diraja telah memashhorkan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei yang pertama.

Berhubung dengan tugas atau kerja membuat undang2, Perlembagaan telah menubuhkan sa-buah Majlis Mashuarat Negeri. Kerja-nya ia-lah untuk menimbangkan Rang Undang2 — yang di-panggilkan "Bills" — dan apabila telah di-luluskan sa-lepas itu di-panggil Undang2 (Enactments).

Lihat Muka III



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menanda-tangani Pindaan Kapada Perjanjian 1959 pada 23hb Nobember 1971 yang mana Kerajaan British di-wakili oleh Y.A.B. Tuan Anthony Royle (kanan).



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin (sekarang D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan) ketika melafadzkan titah Pengistiharan Perlembagaan 1959.

TITAH D.Y.M.M. SULTAN PADA KETIKA PEMASHHORAN PERLEMBAGAAN BAGI NEGERI BRUNEI PADA 29HB SEPT. 1959

TUAN Yang Terutama Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Agong bagi Tenggara Asia, Yang Berhormat Tuan Francis Derek Jakeway, Timbalan kapada Gabnor Sarawak, Tuan D.C. White, Wazir2, Pengiran2 dan tuan2 yang berhormat.

Pada hari yang bersejarah ini, Beta menyambut kedatangan Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Agong bagi Tenggara Asia, sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Queen yang telah menandatangani perjanjian di-antara Seri Baginda Queen dan Beta. Beta dukachita Sir Anthony Abell uzor dan tidak dapat hadir di-upachara ini dan menandatangani Perjanjian Percheraan Brunei dan Sarawak, tetapi Beta menyambut kedatangan Tuan F.D. Jakeway, Timbalan Gabnor yang telah menandatangani perjanjian itu bagi pehak Kerajaan Sarawak. Beta sangat berhutang budi kapada Seri Baginda Queen, kerana ucapan selamat-nya pada hari yang bersejarah ini.

Perjanjian yang baharu sahaja di-tandatangani oleh Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott sa-bagai wakil Seri Baginda Queen dan Beta sendiri ada-lah menamatkan satu zaman pemerintahan terus oleh Kerajaan British di-dalam Negeri Brunei. Perjanjian yang baru sahaja di-tandatangani ada-lah satu keterangan yang nyata dasar2 yang di-pegang oleh kerajaan Seri Baginda Queen hendak menggalakkan dan membesarkan kemajuan Perlembagaan dalam tiap2 satu jajahan yang termasuk dalam kawalan dan naungan Seri Baginda Queen.

Di-masa yang akan datang, Kerajaan Brunei akan menekmati atoran berkerajaan sendiri yang luas. Ini ada-lah di-chapai bukan sahaja dengan ada-nya perasaan baik dan tulus ikhlas bagi pehak Kerajaan British tetapi juga ia-lah dengan pekerjaan dan perusahaan yang kuat dan nasehat2 yang berharga, yang telah di-beri oleh ahli2 rombongan dan juga ada-nya buah fikiran yang pakar daripada Penasehat2 Perlembagaan Beta. Kapada mereka itu Beta mengucapkan berbanyak2 terima kasih.

Sungguh pun Perjanjian ini telah mengubah perhubungan di-antara Kerajaan Seri Baginda Queen dan Kerajaan Negeri Brunei, Beta sukachita menegaskan bahawa perasaan raayat Beta terhadap Negeri United Kingdom dan raayat Seri Baginda Queen tidak akan berubah. Perhubungan yang baik dan tulus ikhlas di-antara kedua2 raayat kita akan terus berjalan dan sebenar2-nya akan menjadi lebih tegoh. Kerajaan Brunei telah beberapa lama dapat perkhidmatan pegawai2 dari United Kingdom dan Negeri Brunei ada-lah banyak terima kasih kerana bahagian yang telah di-jalankan oleh mereka di-dalam kemajuan negeri ini. Dalam perkara ini Beta sangat-lah berhutang budi kapada Tuan Lennox Boyd, Setia Usaha Negeri bagi Tanah2 Jajahan, kerana ucapan2-nya yang baik, istimewa sekali pengakuan-nya bahawa Kerajaan Seri Baginda Queen akan sedia membantu dalam hal-ehwal kemajuan negeri ini dan bagi kebajikan raayat Negeri Brunei. Beta yakin bahawa Pegawai2 British yang tinggal berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Brunei akan terus memegang nama baik pegawai2 perkhidmatan awam ia-itu menumpukan segala taat setia yang tidak berbelah bagi dan memberikan perkhidmatan yang benar2 kapada Kerajaan dan Negeri Brunei Darussalam.

Perlembagaan yang baru Beta mashhorkan ada-lah satu langkah yang besar dalam kemajuan Perlembagaan negeri ini menuju ka-arrah kerajaan sendiri yang penoh dan merdeka. Ini akan bermakna bahawa tanggung-jawab yang lebih besar akan di-pikul oleh pegawai2 negeri dan juga oleh raayat2 sendiri menerusi wakil2 mereka di-dalam Majlis Mashuarat Negeri. Maka kejayaan Perlembagaan ini dan chepat-nya Negeri Brunei dapat menchapai taraf Kerajaan sendiri yang penoh akan bergantung kapada taat setia raayat kapada Perlembagaan ini, kapada fikiran politik yang waras, kapada perkhidmatan yang tidak terhad, kapada negeri dan kapada perasaan mesra, bertolak ansor dan bekerjasama di-antara satu dengan lain. Beta perchaya yang raayat Beta, dengan izin Allah, akan boleh menchapai kehendak2 yang tersebut ini untuk kemajuan dan meninggikan kebajikan mereka sendiri dan bagi Negeri Brunei Darussalam.

PERJANJIAN DEMI PERJANJIAN LAHIR-LAH PERLEMBAGAAN '59



Y.B. Pehin Datu Patinggi Maha Kornia, Diraja Dato Laila Utama Sir Dennis White, British Residen yang terakhir dan Pesuruhjaya British yang pertama di-Brunei.

Pemashhoran dan sejarah Perlembagaan Brunei

"..... Perlembagaan yang baru Beta mashhorkan ada-lah satu langkah yang besar dalam kemajuan Perlembagaan negeri ini menuju ka-arah Kerajaan Sendiri yang penoh dan merdeka

"..... Maka kejayaan Perlembagaan ini dan chepat-nya Negeri Brunei dapat mencapai Taraf Berkerajaan Sendiri yang penoh, akan bergantung kepada ta'at setia raayat kepada Perlembagaan ini, kepada fikiran politik yang waras, kepada perkhidmatan yang tidak berhad, kepada negeri dan kepada perasaan mesra, bertolak ansor dan bekerjasama di-antara satu dengan lain." Demikian antara lain isi kandungan Pemashhoran Perlembagaan Negeri Brunei 1959, yang telah di-langsungkan di-Lapau Diraja (bangunan Pejabat Mahkamah sekarang), bertarikh pada 29hb September, 1959.

Terus terang kita katakan di-sini bahawa terchetus-nya peristiwa 1962, akibat penyelewangan A. M. Azahari itu, merupakan suatu pengkhianatan besar kepada Perlembagaan Negeri Brunei 1959 khusus-nya dan kepada Kerajaan dan raayat Brunei pada umom-nya. Kerana chita2 Pemashhoran Perlembagaan tersebut terang2 menyatakan hasrat-nya untuk menuju ka-arah sa-buah negara Brunei yang penoh berdaulat lagi merdeka. Bagaimana pun dengan izin Allah jua, hasrat serta chita2 Perlembagaan itu tadi tidak dapat di-bahang2 untuk mencapai matalamat-nya dan saat-nya akan tiba menjelang tahun 1983 nanti untuk menyatukan kepada dunia bahawa Negeri Brunei akan mengembalikan sejarah-nya semula sa-bagai negara yang berdaulat dan penoh merdeka!

Dan tidak-lah dapat di-sangkal oleh sa-siapa bahawa hasrat serta chita2 Perlembagaan 1959 untuk mencapai matalamat-nya bagi Negeri Brunei mencapai kemerdekaan yang penoh berdaulat itu telah tergendala di-sebabkan peristiwa 1962. Kalau tidak, Negeri Brunei sudah mencapai kemerdekaan sepenoh-nya lebeh awal dari yang di-jadualkan sa-bagaimana yang pernah di-ura2kan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Be-

PERLEMBAGAAN", sesungguhnya perkataan 'Perlembagaan' yang mengandungi dua belas huruf itu memadai-lah untuk di-tafsirkan sa-bagai peratoran2 yang di-jadikan undang2 dan yang tidak di-jadikan undang2 yang mengator perjalanan hidup dan pentadbiran Kerajaan.

Perkataan 'Perlembagaan' ini juga biasa-nya di-fahami oleh kebanyakan orang sa-bagai "Suratan2 atau dokumen2 yang mengandungi atoran2 yang menguruskan hal ehwal pentadbiran Kerajaan." Jadi ternyata-lah bahawa ada terdapat dua jenis 'Perlembagaan': ia-itu Perlembagaan Bertulis dan Perlembagaan yang tidak Bertulis.

Perlembagaan Bertulis, kita maksudkan di-sini ia-lah Perlembagaan Negeri Brunei 1959; dan Perlembagaan yang tidak Bertulis itu, seperti chontoh yang ada pada hari ini ia-lah yang terdapat di-Great Britain; yakni Great Britain sememang-nya mempunyai Perlembagaan tetapi tidak terdapat suratan2 atau dokumen2 bertulis sa-bagai undang2 yang boleh di-rujok atau di-katakan sa-bagai undang2 yang mengandungi pelbagai peratoran yang berkaitan dengan Perlembagaan.

Untuk memahami lebeh jelas lagi berkenaan dengan Perlembagaan itu, ada lebeh baik kita meninjau kembali sejarah ringkas menyoht beberapa perkembangan yang telah di-lakukan dalam Perlembagaan kita sekarang ini. Ada dua aspek mengenai perkara ini — yang pertama-nya mengenai taraf Brunei dan kedua mengenai Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

TARAF BRUNEI SA-BAGAI NEGERI NAONGAN

Bermula dari tahun 1847, ia-itu tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah mengikat satu perjanjian persahabatan dan Perdagangan dengan Great Britain. Di-bawah perjanjian itu, kedua belah pihak bersetuju akan menindas perompak lanun dan penjualan hamba. Dan pada masa itu Negeri Brunei ia-lah sa-buah Negara Beraja yang berkuasa penoh.

Perjanjian tahun 1947 itu telah di-ikat oleh satu perjanjian di-antara Great Britain dengan Sultan Brunei dalam tahun 1888, yang menjadikan taraf Negeri Brunei sa-bagai Negara Naongan (Protected State). Di-bawah fasal I dari perjanjian itu, ada di-per-sharatkan bahawa Negeri Brunei akan terus menerusi di-perintah dan di-tadbir oleh Sultan Brunei; di-bawah perlindungan atau naongan Great Britain. Akan tetapi perlindungan demikian tidak memberi hak kepada Kerajaan British untuk champor tangan dalam hal ehwal pentadbiran dalam negeri.

Di-bawah fasal III dari perjanjian tersebut itu pula, ada di-sharatkan bahawa perhubungan2 di-antara Negeri Brunei dengan semua negeri2 asing mesti-lah di-uruskan oleh Kerajaan Baginda Queen, dan urusan2 di-laku-

kan juga melalui Kerajaan Baginda Queen.

Perjanjian 1888 itu juga mengiktiraf Brunei sa-bagai Negeri yang Berkerajaan Sendiri, akan tetapi urusan2 hal ehwal luar negeri dan pertahanan ada-lah menjadi tanggung jawab Kerajaan British. Dan akhir-nya, perjanjian 1888 itu pula telah di-pinda oleh Perjanjian Tambahan tahun 1905 — 1906 dengan menubuhkan di-Brunei satu sistem pentadbiran yang sudah pun pernah di-adakan di-Negeri2 Tanah Melayu — Sistem ini ia-lah dengan chara melantek sa-orang Pegawai British, yang di-gelar "British Resident" dan tugas-nya di-bawah perjanjian ini ia-lah untuk menaschati Sultan tentang perkara2 mengenai pentadbiran sa-lain dari perkara2 yang menyoht Ugama Islam.

BRUNEI BUKAN TANAH JAJAHAN INGGERIS

Dalam perjanjian tahun 1906, taraf Negeri Brunei ia-lah sa-bagai Negeri Naongan — ia-itu di-bawah perlindungan Great Britain. Dan taraf ini jangan-lah pula di-salah mengertikan atau di-kelirukan dengan taraf sa-buah negeri (tanah) jajahan Ingggris (Colony of British). Tanah jajahan, bermaksud di-tadbirkan oleh sa-orang Gabnor yang di-lantek oleh Kerajaan yang memegang kuasa penjajahan; dan penguasa penjajahan itu mempunyai beberapa hak kuasa untuk membuat undang2 bagi negeri jajahan itu.

Berkenaan dengan Negeri Brunei pada tahun 1906, pada waktu itu Brunei di-tadbir oleh Sultan dengan naschati Residen. Dan semua undang2 di-luluskan atau di-buat oleh Sultan atas naschati Majlis Mashuarat Baginda. Perbezaan ini sangat-lah mustahak dan mesti-lah di-fahami sa-belum menyoht topik mengenai Perlembagaan. Dan sistem yang di-tubuhkan dalam tahun 1906 itu telah berjalan terus sa-hingga tahun 1959, bilamana dengan satu perjanjian di-antara Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen

Lihat Muka IV



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (sekarang DYTM Paduka Seri Begawan Sultan) menanda-tangani pemashhoran Perlembagaan Tahun 1959. Di-sebelah kiri ia-lah TYT Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Agong bagi Tenggara Asia yang menanda-tangani bagi pihak Kerajaan British.

Lihat Muka IV


PERLEMBAGAAN TAHUN 1959



Allahyarham Y.B. Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohd Jahfar, Menteri Besar yang pertama di-lantek di-bawah Perlembagaan 1959.



Wan Ahmad bin Wan Omar, Setia Usaha Kerajaan yang pertama yang di-datangkan dari Tanah Melayu.



DOKUMEN2 perjanjian demi perjanjian antara Brunei dan United Kingdom yang dapat di-lihat di-Pusat Sejarah Bangunan Peringatan Churchill di-Bandar Seri Begawan.

TAHUN 1959 ada-lah tahun yang bersejarah bagi Negeri Brunei. Pada tanggal 29hb September, Brunei telah melangkah maju sa-tapak di-bidang perkembangan politik dan pentadbiran negeri ini dengan rasmi-nya istiadat menanda-tangani Perlembagaan Bertulis bertempat di-Lapau di-Bandar Brunei (yang sekarang dikenali sa-bagai Bandar Seri Begawan). Perlembagaan Bertulis itu telah di-tanda-tangani oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin (sekarang di-kenali sa-bagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan) bagi Negeri Brunei dengan Kerajaan British yang di-wakili oleh Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Agong British bagi Tenggara Asia.

Dalam mukaddimah Perlembagaan itu, Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan mengistiharkan yang baginda dan pengganti baginda akan memerintah Negeri Brunei menurut Perlembagaan dan undang2 dalam negeri. Di-bawah Perlembagaan Baru itu kuasa tertinggi ada-lah di-pegang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan untuk melaksanakan kuasa ini di-tubuhkan tiga majlis yang masing2 di-kenali sa-bagai Majlis Menteri2, Majlis Mashuarat Negeri dan Majlis Mashuarat Diraja.

Perlembagaan Bertulis tahun 1959 itu terbahagi kepada 12 bahagian.

- Bahagian I — Pendahuluan
- Bahagian II — Ugama
- Bahagian III — Kuasa Menteri
- Bahagian IV — Majlis Mashuarat Diraja
- Bahagian V — Majlis Menteri2
- Bahagian VI — Majlis Mashuarat Negeri
- Bahagian VII — Perundangan dan Peratoran dalam Majlis Mashuarat Negeri
- Bahagian VIII — Kewangan
- Bahagian IX — Perkhidmatan2 Awam
- Bahagian X — Mohor Kerajaan

- Bahagian XI — Rampaian
- Bahagian XII — Perubahan dan Pentafsiran Perlembagaan.

MAJLIS MENTERI2

Majlis Menteri2 di-pengerusikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Majlis Menteri2 menimbangkan perkara pemerintahan dan perkara2 yang akan di-bentangkan oleh Majlis Mashuarat Negeri. Majlis Menteri2 juga membentangkan belanjawan dan tambahan belanjawan untuk di-luluskan dalam Majlis Mashuarat Negeri.

Majlis Menteri2 ketika itu terdiri daripada tujuh orang ex-officio, Pesuruhjaya British, dan tujuh orang ahli yang tidak rasmi, yang enam daripadanya ada-lah dari ahli2 Majlis Mashuarat Negeri. Mashuarat untuk Majlis Menteri2 ini di-adakan dua minggu sekali.

MAJLIS MASHUARAT NEGERI

Majlis Mashuarat Negeri ada-lah satu badan yang meluluskan undang2, yang meluluskan belanjawan tahunan. Majlis Mashuarat Negeri ini mula2 di-pengerusikan oleh Menteri Besar, tetapi kemudian di-gantikan dengan Speaker yang di-lantek oleh Sultan.

Majlis Mashuarat Negeri mengandungi lapan orang ex-officio, enam orang ahli rasmi, 10 orang ahli yang di-pilih dan tiga orang ahli yang di-lantek.

MAJLIS MASHUARAT DIRAJA

Majlis Mashuarat Diraja ada-lah satu Majlis yang menasehatkan Baginda Sultan tentang perkara2 yang bersangkut-paut dengan Hak2 Istimewa Pengampunan Diraja dalam pengubalan dan pembubaran penyelesaian perlembagaan dan mengornikan pangkat2 Istiadat Melayu, gelaran2 pingat2 kehormatan dan kebesaran.

Ugama Islam di-bawah Perlembagaan Baru itu ada-lah ugama rasmi negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada-lah sa-bagai Kepala Ugama. Menurut Enakmen Ugama, Majlis Ugama menasehatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam semua hal yang bersangkut-paut dengan Ugama Islam. Ahli2 Majlis Ugama ini di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia, Pengerusi atau Yang Dipertua Majlis ini ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Walau pun dalam Perlembagaan telah termaktub yang Ugama Islam ada-lah ugama rasmi negara, ugama2 lain di-benarkan di-amalkan oleh penganut2 di-negeri ini.

Di-bawah Perlembagaan Baru itu juga, bahasa Melayu telah di-beri kedudukan istimewa sa-bagai bahasa rasmi negara untuk menggantikan bahasa Inggeris yang telah menjadi bahasa perhubungan rasmi sa-belum itu. Bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa rasmi itu telah menjadi bahasa rasmi dalam Majlis Menteri2, Majlis Mashuarat Negeri, dan Majlis Mashuarat Diraja.

Brunei yang sejak tahun 1906 telah di-perintah di-bawah sistem pemerintahan yang di-kenali sa-bagai Sistem Beresiden (British Residential System). Dengan wujud-nya Perlembagaan baru ini sistem pemerintahan beresiden ini telah manshoh. Di-bawah Perlembagaan baru ini empat jawatan penting telah di-adakan. Jawatan2 itu ada-lah jawatan Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Peguam Agong dan Pegawai Kewangan Negara.

Menteri Besar bertanggung-jawab kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam menjalankan kuasa pentadbiran. Menteri Besar dalam menjalankan tugas2-nya di-bantu oleh Timbalan Menteri Besar. Menurut Perlembagaan Baru itu, Menteri Besar dan Timbalan-nya hendaklah sa-orang yang berbangsa Melayu yang beragama Islam dari madzab Shafie. Dia hendaklah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Menteri Besar yang pertama di-lantek di-bawah Perlembagaan Baru ini ia-lah Pehin Datu Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohd Jahfar, D.K., S.P.M.B., C.B.E., P.O.A.S.

Jawatan Setia Usaha Kerajaan ada-lah satu jawatan yang penting kerana ia bertanggung-jawab ka-atas semua tugas2 pentadbiran dalam negeri. Jawatan ini hendaklah di-pegang oleh sa-orang Melayu yang beragama Islam dari madzab Shafie. Setia Usaha Kerajaan di-bantu oleh Penolong Setia Usaha Kerajaan. Setia Usaha Kerajaan yang pertama yang di-lantek di-bawah Perlembagaan Baru ini ia-lah Wan Ahmad bin Wan Omar (M.C.S.) yang di-datangkan dari Persekutuan Tanah Melayu untuk mengisi jawatan tersebut.



Perlembagaan bertulis 1959.

Dari Muka I

Kemudian dalam Perlembagaan itu juga menubuhkan sa-buah Majlis Mashuarat Kerajaan (sekarang di-panggil Majlis Mashuarat Menteri2) yang kerja-nya ia-lah untuk menasehatkan Duli Yang Maha Mulia terhadap dasar2 Kerajaan dan menjalankan kuasa2 yang tertentu yang diberikan oleh kuasa undang2.

Sa-lain dari penubuhan Majlis Mashuarat Negeri, Majlis Mashuarat Menteri2; Perlembagaan juga menubuhkan sa-buah Majlis Mashuarat Diraja yang tugas-nya ia-lah untuk menasehatkan Sultan terhadap hak pengampunan, lantekan orang2 kapangkat gelaran2, kehormatan2 dan kebesaran adat istiadat Melayu.

Ketiga2 Majlis Mashuarat tersebut ada di-peruntukkan dalam Perlembagaan Bertulis 1959 dan kuasa ini ada-lah terletak di-dalam Negeri Brunei. Hanya yang menjadi kewajipan Great Britain, ia-lah soal pertahanan dan hal ehwal luar negeri. Dari itu dapatlah di-simpulkan bahawa Negeri Brunei ada-lah sa-buah negeri yang mempunyai kuasa memerintah penuh di-dalam negeri. (Chatetan cheramah oleh Peguam Negara Brunei, dalam Kursus Sivik anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan — Penyunting.)



Bangunan Lapau Diraja di-mana Istiadat Menanda-tangani Perlembagaan 1959 di-langsungkan pada 29hb September.

Sejarah Perlembagaan 1959

Dari Muka II

semua perkara yang berkebalikan atau perkara2 yang mustahak dengan ketua2 pegawai Baginda. Dalam perbincangan2 yang penting itu melerikan dokumen sekurang2-nya di-meterikan dengan chap2 (mohor2) atau tandatangan2 mereka.

Pada umom-nya, di-dalam sa-suatu Perlembagaan, kita akan dapati bahawa perkara2 yang di-urusi-kan itu ia-lah mengenai tugas2 Kerajaan, dan bagi maksud kita semua tugas2 itu ada-lah di-bahagikan kepada jenis2 seperti: (a) Membuat undang2—Badan Perundangan; (b) Menjalankan undang2 dan dasar Kerajaan; (c) Tafsiran erti atau makna undang2, serta menghukum orang2 yang melakukan kesalahan kerana melanggar undang2—kehakiman atau pengadilan dan (d) Urusan hal ehwal luar negeri.

Menurut pengkajian sejarah perundangan, umpama-nya sa-belum orang2 barat datang ka-Tanah Melayu, Undang Luak, Undang2 sharak bersendikan adat dan adat pula bersendikan sharak dan begitu pula dengan Adat Perpateh nan sa-batang, sudah di-perkenalkan dan di-susun dengan chukop rapi bagi masyarakat di-Negeri Sembilan dan Menangkabau. Begitu juga hal-nya sa-belum orang2 barat datang ka-Brunei ini, di-Brunei ketika itu telah di-jalankan satu sistem menurut adat resam untuk mengotrol atau mentadbir Kerajaan. Dari keterangan2 tersebut dapat di-simpulkan di-sini bahawa dengan tepat-nya dapat di-katakan bahawa sa-belum di-adakan pentadbiran sa-chara barat, maka telah ada satu Perlembagaan sa-chara tidak bertulis bagi Brunei.

Dalam tahun 1906, mithal-nya bilamana perjanjian telah di-buat di-antara Sultan Brunei dengan Kerajaan Inggeris yang mensharatkan bagi mengadakan sistem melantek sa-orang pegawai British sa-laku Residen, mengikut chara yang sama dengan apa yang telah di-lakukan di-Negeri2 Tanah Melayu ketika itu—dengan perantaraan British Resident itu maka tertubuh-lah di-Brunei pada ketika itu sa-buah Majlis Mashuarat Negeri, di-mana Sultan telah menjadi Yang Dipertua-nya sementara British Resident menjadi Naib Yang Dipertua yang juga sa-laku Penasehat. Dalam persidangan-nya yang pertama Majlis tersebut tahun 1907 penasehat2 Sultan mempunyai hak untuk meng-hadhiri ka-mashuarat itu (bagi mereka yang telah di-lantek oleh Sultan) sahaja.

Ada-lah juga mustahak di-ambil perhatian di-sini, terutama para

penuntut yang berkeinginan untuk mengkaji dalam hal ini bahawa undang2 telah di-buat oleh Kerajaan Kebawah DYMM dengan meng-hadapkan-nya dalam Majlis Mashuarat Negeri untuk di-luluskan, dan bukan ia-nya di-buat oleh Great Britain atau di-luluskan oleh Great Britain dahulu seperti hal-nya dengan tanah jajahan. Dan kita mengambil kepastian bahawa undang2 itu di-luluskan atas nama Kerajaan DYMM Sultan dan bukan atas nama British Resident; sunggoh pun British Resident itu sa-bagai salah sa-orang ahli mashuarat itu—tugas-nya ia-lah untuk menasehatkan Baginda Sultan.

Dalam bidang kuasa-nya pula, Majlis Mashuarat Negeri itu memberi kebenaran bagi perbelanjaan2 negeri; meluluskan undang2 seperti perkhid-matan pentadbiran. Di-segi kehakim-an pula, Majlis Mashuarat Negeri dan Diraja ada kala-nya bertindak sa-bagai sa-buah Mahkamah Rayuan dalam perkara2 mengenai Uqama.

Pendek kata, dalam perkembangan sejarah Perlembagaan Brunei sejak tahun 1906 hingga 1959 (sa-belum Perlembagaan Bertulis Brunei 1959); di-Brunei tidak ada Perlembagaan Bertulis, akan tetapi tugas2 Kerajaan di-jalankan oleh DYMM Baginda Sultan dalam Majlis Mashuarat Negeri. Ini bermakna Negeri Brunei pada ketika itu telah pun di-tadbir menurut Perlembagaan.

(Perhatian: Tulisan mengenai undang2 dalam artikel ini di-dasarkan dari ucapan dalam cheramah yang telah di-sampaikan oleh Peguam Negara Brunei, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, yang ketika itu menjadi Timbalan Peguam Negara, Brunei dalam cheramah-nya di-Kursus Sivik Guru2 dan Penghulu serta Ketua2 Kampung, anjoran Bahagian Penerangan Jabatan SUK) —Penyunting.

Dari Muka II

yang bertarikh pada 29hb September, 1959; maka jawatan British Resident telah di-hapuskan dan di-ganti oleh sa-orang pegawai tempatan yang digelar *Menteri Besar* telah mengambil alih tempat Resident itu.

Sunggoh pun sa-lepas Peristiwa Perlembagaan 29hb September, 1959 itu menghapuskan jawatan British Resident, maka jawatan tersebut telah di-gantikan dengan Pesuruh-jaya Tinggi British di-Brunei. Tugas-nya ia-lah untuk menasehatkan Kebawah DYMM Baginda Sultan berkaitan dengan Kerajaan Negeri. Di-sini kita akan dapat mengambil kepastian bahawa tugas2 British Resident dan Pesuruhjaya Tinggi British itu nampak-nya sa-akan2 sama; yakni kedua2-nya untuk menasehati berkenaan perkara2 dalam negeri. Se-benar-nya apa yang telah di-lakukan

Merdeka bukan dari segi nama sahaja

NEGERI BRUNEI atau dengan sebutan lain, Negara Darussalam yang Berdaulat, ada-lah suatu sebutan yang sering menjadi kebanggaan bagi kita, sa-laku rakyat yang bernaong di-dalam susana sa-buah negara yang akan mencapai sa-mula taraf kemerdekaan penoh-nya menjelang tahun 1983; seperti yang telah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sa-waktu bertitah di-Istiadat Mengadap bersempena hari keputeraan Baginda ke-32 tahun antara lain:

"Persetujuan bersama yang telah di-chapai dalam perundingan di-London, dengan izin Allah akan membolehkan Beta dan Kerajaan Beta berusaha pada melengkapkan Negeri Brunei untuk mencapai sa-mula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh berdaulat lagi merdeka dalam tempoh lima tahun dari penghujung bulan Disember, 1978."

Hasrat Baginda itu juga telah di-tegaskan lagi di-upacara perasmian Persidangan Majlis Mashuarat Negeri bagi Musim Perashuarat yang ke-16 yang baru lalu, antara-nya: "Beta telah mengemukakan mengenai dengan persetujuan Kerajaan Beta dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen mengenai dengan Negeri Brunei Darussalam mencapai taraf-nya semula sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi penoh merdeka dalam tahun 1983. Insha Allah, perjanjian baru ini akan di-tanda-tangani sa-chara beristiadat di-Brunei dalam awal bulan Januari, 1979. Walaupun istiadat menanda-tangani itu di-adakan dalam bulan Januari, 1979, akan tetapi tempoh bagi Brunei mencapai kemerdekaan penoh masih lagi lima tahun di-kira dari 31hb Disember, 1978."

Dalam tempoh lima tahun, dari penghujung tahun 1978 yang baru lalu, dengan izin Allah Negeri Brunei Darussalam ini akan mencapai taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang merdeka sepenoh-nya. Kemerdekaan Negeri Brunei itu, seperti telah di-titahkan oleh Kebawah DYMM, "Beta hanya dari segi nama atau sebutan sahaja, akan tetapi dengan izin Allah benar2 merdeka yang tulen; yang akan memberikan bukan sahaja kebanggaan, akan tetapi yang lebih2 mustahak ia-lah kemerdekaan yang akan menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemakmuran dan kebahagiaan yang berkekalan kepada negara, rakyat dan penduduk serta isi di-dalam-nya."

Perjanjian kemerdekaan yang penoh berdaulat bagi Negeri Brunei itu di-chapai ada-lah dengan berkat usaha serta pimpinan yang bijaksana Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda, di-sertai semangat dan sikap bertolak ansor, hormat meng-

hormati yang lahir dari perasaan persahabatan yang erat lagi mesra di-antara Kebawah DYMM dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen.

Sa-bagai negara yang merdeka penoh lagi berdaulat, Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda berhasrat untuk berbaik2 dengan semua negara; baik yang jauh mahu pun yang dekat yang sudi menghulurkan silaturahmi mereka dengan dzahir-batin serta sedia hormat menghormati antara satu sama lain, dan membolehkan rantau Tenggara Asia ini benar2 aman, bahagia dan makmur.

PERSAHABATAN BRUNEI—BRITAIN

Ada-lah tidak di-ragukan oleh sesiapa pun bahawa persahabatan yang mesra antara kedua2 negara yang berdaulat ia-itu Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Queen, telah terjalin erat sejak tahun 1847 dahulu lagi. Dan perjanjian seumpama ini ada-lah sudah lumrah di-perbuat di-antara sa-buah negara dengan sa-buah negara yang lain, sama ada dari segi kerjasama kebudayaan, ekonomi, pertahanan dan lain2 lagi. Demikian-lah keadaan-nya perjanjian yang telah di-buat di-antara Negeri Brunei dengan Great Britain, samada yang sudah dan yang akan di-buat pada masa akan datang (berasntong kepada keupayaan negara masing2).

Berbalak kepada perjanjian persahabatan atau persahabatan rapat di-antara Brunei-Britain 1971, memberikan kita pertahanan dan hal ehwal luar di-pertanggung jawabkan kepada Great Britain itu, bukan-lah menjadi suatu perkara yang asing—lebih2 lagi perhubungan dan persahabatan di-antara kedua2 negara itu sudah terjalin erat lagi mesra lebih satu abad; ada-lah suatu perkara yang sukar hendak di-lupakan. Dan kita sa-bagai satu bangsa Brunei, bukan seperti kata pepatah "Kachang lupukan kulit" mudah melupakan budi dan jasa baik sa-seorang itu. Kebawah DYMM dalam titah Baginda di-Persidangan Perashuarat Negeri Musim ke-15 tahun 1977 dahulu telah mengingatkan: "Sikap dan dasar Beta dan Kerajaan Beta ada-lah sa-bagaimana yang telah pernah Beta jelaskan yakni yang baik dan jujur di-balas baik dengan jujur, akan tetapi yang jahat dan tidak jujur hendak-lah kita menjauhkan diri dari mereka itu."

Takadohng memperkatakan hubungan atau persahabatan rapat di-antara Brunei-Britain ini pula mengingatkan kita kembali betapa mesra perutusan dari DYMM Paduka Seri Baginda Queen kepada DYMM Paduka Seri Baginda Sultan sempena menyambut Hari Puja Usia Baginda ke-32 yang lalu antara lain perutusan Baginda Queen berbunyi: "..... ingatn tulus ikhlas beta sempena menyambut Hari Puja Usia Duli Tuanku, dan semoga beroleh keberuntungan di-tahun2 yang akan datang. akan membawa kepada masa depan yang lebih baik antara dua negara yang sudah berhubung rapat."

Semoga perhubungan yang begitu mesra antara kedua2 negara yang berkuasa serta penoh merdeka kelak tidak akan putus, dengan izin Allah jua.

sa-belum tahun 1959 bahawa Residen bukan saja menjadi penasehat bahkan beliau juga menjadi Ketua Pentadbir jabatan2 Kerajaan. Dengan kuat kuasa perjanjian 1959 itu maka tugas Residen telah di-gantikan dengan Menteri Besar sa-bagai Ketua Pegawai Kerajaan, dan tugas Pesuruhjaya Tinggi British hanya-lah sa-bagai *Penasehat*.

Bertolak dari perjanjian2 1847, 1888, 1905, 1906 dan akhir sa-kali 1959; maka satu persetujuan telah di-chapai sa-bagai Pindaan kepada Perjanjian 1959, yang telah di-tanda-tangani pada 23hb November, 1971 di-antara Kerajaan Kebawah DYMM Baginda Sultan dan Baginda Queen.

Kesan yang sangat mustahak dari perjanjian 1971 itu, ia-lah bahawa perjanjian tersebut menghapuskan tugas2 Pesuruhjaya Tinggi British sa-bagai Penasehat mengenai hal ehwal dalam negeri. Ini bererti pentadbiran

atau hal ehwal dalam negeri sepenoh-nya di-kuasai oleh Negeri Brunei sendiri; kechueli mengenai soal pertahanan dan hal ehwal luar negeri. Maka pada awal bulan Januari, 1979 ini satu lagi perjanjian mengikut perjanjian2 yang telah lalu itu di-mana Negeri Brunei akan menekmati kemerdekaan yang sepenoh-nya (ka-dalam dan ke-luar negeri). Dan taraf kita sa-bagai sa-buah negeri naungan itu dahulu ada-lah berdasarkan beberapa perjanjian di-bawah undang2 antarabangsa.

Berdasarkan butir perjanjian demi perjanjian itu tadi, nyata-lah oleh kita yang Negeri Brunei itu bukan-lah sa-buah tanah jajahan Inggeris dan taraf kita sa-bagai sa-buah negeri naungan itu ada-lah timbul dari beberapa perjanjian tersebut yang terbit dari dua buah negara yang berdaulat lagi penoh kuasa.



Melayu

adi perangsang dan ikutan kepada peniaga2 dan pengusahaha2 bumi putera yang lain dalam bidang yang di-gelar Berusaha dan Berniaga.

MASTIKA RADIO : Sa-buah ranchangan hiburan 30 minit yang berbentuk Majallah Radio. Pandangan ranchangan ini antara lain ia-lah penerangan2 yang khusus mengenai dengan satu2 berjaya dalam satu2 bidang yang tertentu, seperti ingin berkhidmat dengan Pasokan AMDB dan penulis Diraja, ingin menjadi ahli Pasokan bomba, operator, radio-uruterbang, hakim, peguam dan lain2 lagi.

Ranchangan ini juga akan di-ikutan dengan berita2 dan ke-riatan2 yang terdapat di-Bahagian Melayu khasnya di-segi ranchangan2 dan juga kegiatan2 di-bahagian yang lain di-Perkhid-atan Radio Talivishen Brunei. Penerbit ranchangan ini ia-lah Abd Manaf Adam.

UNTOK SA-MINGGU : Sa-buah ranchangan mingguan dalam angka masa 30 minit.

Ranchangan ini akan di-siarkan pada tiap2 hari Sabtu petang, dengan kandungan-nya memben-berkan semua ranchangan2 Ra-dio dan TV yang akan ka-udara dalam waktu sa-minggu, ia-itu dari hari Ahad pagi hingga hari Sabtu petang.

Dengan ada-nya ranchangan ini, semoga akan dapat membantu pendengar2 Radio dan TV dalam mengikuti ranchangan2 yang di-siarkan oleh Radio dan Talivishen Brunei.

Ranchangan ini akan di-terbit-kan oleh Mohd Noor Yassin.

Ranchangan2 baru yang lain seperti, Perkembangan Di-Bumi Bertuah dan Lambaran Dalam Sa-minggu akan di-terbitkan oleh Zaini Mohd Yusof, 'Tamu Ming-gu' ini—Ali Majid, Tunas Harapan—Mohd Noor Muham-mad, 'Dendang Melayu'—Ak Sulaiman Pg Haji Tuah, 'Kisah Dan Tauladan'—Ali Haji Aji, dan semua ranchangan2 yang di-sebutkan ini, juga akan di-usaha-kan penerbitan-nya dalam awal tahun 1979 ini.



Abdullah bin Awang Damit turut ang Ambuk Kuning yang di- Abdullah, Zaini Mohd Yusof

Siri baru — "HOW" Ranchangan utk adek2

PADA hari Rabu jam 6.02 petang, adek2 berpeluang menyaksikan satu siri baru bertajok "HOW" di-mana terdapat berbagai soalan2 dan jawapan2 mengenai dunia di-sekeliling kita.

Ranchangan ini mengan-dongi panduan di-antara kenyataan dan lucu jena-ka yang di-gunakan oleh penyampai-nya untuk me-nenangkan berbagai per-akara yang menarek hati sa-tiap minggu. Dalam edi-

si pembukaan, mithal-nya, mereka bertanyakan soal-an2 seperti berikut :—

Berapa panjang-kah sa-biji telur? Bagaimana sa-ekor katak menggunakan mata-nya untuk mende-ngar? Bagaimana-kah aw-da dapat mengetahui ke-adaan musim panas pada tahun 1946?

Kumpulan How ini memberikan jawapan de-ngan bantuan model2, te-tamu2 studio, gambar2 animasi dan potongan filem yang ganjil. Kanak2 yang berusia di-antara sembilan hingga sembilan puluh ta-hun tentu-nya akan ter-pe-sona dengan berbagai makloman yang di-muat-kan dalam ranchangan ini oleh kumpulan penyampai2 yang begitu mempesona-kan.

Siri ini di-sampaikan oleh Jack Hargreaves, Fred Dinenage, Jon Miller dan Marian Davies.



KETUA KUMPOLAN — James Stephens berlakun sa-bagai "Hart", ketua kumpulan pelajar yang berjuang bersungguh2 menghadapi tahun pertama sekolah un-dang2 dalam siri "The Paper Chase" yang akan dapat di-saksikan tayangan-nya pada malam ini jam 7.10 malam.

Quincy — Death Casts a Vote

SATU kejadian yang di-katakan sebagai perbuatan membunuh diri oleh ketua kesatuan buruh yang muda menyebabkan Quincy ber-ada di-tengah2 satu pepe-rangan di-antara kesatuan2 yang bermusohan yang merebut kuasa pekerja2 ladang dalam episod "Quincy" minggu ini.

Penyiasatan Quincy di-atas perbuatan "membunuh diri" oleh David Brady begitu mengejutkan apabila bapa Brady dan teman wanita-nya Felicia, meya-kinkan pegawai perubatan itu bahawa tidak ada se-bab mengapa si-mati mem-bunuh diri-nya. Apa-kah kesudahan-nya dengan pe-nyiasatan Quincy ini?

Dr. Who — "The Ark In Space"

PADA hari Khamis jam 6.35 petang, siri Dr. Who dengan tajok The Ark in Space yang mengandongi empat bahagian di-mu-akan minggu ini.

Dalam episod pertama The Tardis mendarat da-lam apa yang di-katakan oleh Dr. Who sebagai sa-jenis satelait yang palsu. Tat kala ia memeriksa jen-tera itu, Sarah memasoki sa-buah lorong dan men-dapati diri-nya dalam sa-buah bilek dengan perka-ka yang lebeh kompleks. Sementara itu Dr. Who itu menyatakan bahawa tarikh pembenaan satelait itu mungkin di-lakukan lebeh kurang pada abad ka-tiga belas; jadi-nya kini ia ber-usia lebeh beribu2 tahun. Ia dan Harry terpaksa me-nyelamatkan Sarah dari bilek tanpa udara itu, tetapi mereka sendiri terpan-gkap. Apa-kah yang terjadi sa-terus-nya? Jangan lupa saksikan-lah tayangan-nya seperti biasa.

Tayangan gambar malam Sabtu

DALAM tahun 1944, sa-orang pegawai angkatan laut bangsa Jepun (Toshi-ro Mifune), pendudok yang bermastautin sa-orang diri di-sebuah pulau Pasifik yang kecil, ter-nampak sa-buah rakit ber-warna kuning berdekatan dengan pantai. Rakit itu di-punyai oleh sa-orang berbangsa Amerika yang di-tembak di-tempat itu. Kempen yang kachau bilau menyebabkan pegawai Je-pun itu mengejar musuh-nya hingga ka-hutan, di-mana mereka menghadapi satu sama lain dalam tanah lumpur yang da-lam. Pemuda Amerika itu pengsan, di-tawan, lalu di-ikat di-pokok dan di-paksa untuk menarek satu pakaian kuda di-pan-tai. Bagaimana pun, ia berjaya melepaskan diri-nya dan aneh-nya ia mem-bebaskan pula musuh-nya. Kedua2 mereka tidak mengingini kekejaman. La-lu mereka membena rakit dan membuat perjalanan ka-pulau berdekatan. Di-sini mereka menghadapi persoalan dalam persaha-batan mereka. Untuk me-netahui kesah selanjut-nya mengenai mereka, saksikan-lah tayangan-nya nanti.

Hawaii Five-O — The Two Faced Corpse

HAWAII FIVE-O dengan cherita bertajok "The Two-Faced Corpse" akan dapat di-saksikan tayangan-nya pada hari Isnin jam 9.45 malam.

Dalam kesah kali ini, satu penyiasatan pembu-

nohan sa-chara kumpulan menjadi begitu ganjil sekali apakala satu pemeriksaan mayat menunjukkan baha-wa mangsa-nya mempun-nyai dua tanda2 pengena-lan di-tuboh-nya.

SERIKANDI MINGGU INI

KANDONGAN menarek dalam Serikandi minggu ini ia-lah sudut Wanita dan Tugas. Kali ini puan2 akan mengikuti tugas sa-orang Atendan Letak Kereta, sambil itu puan2 akan dapat mengikuti temu-ramah Jamilah dengan dua orang pekerja atendan letak kereta.

Resepi minggu ini pula ia-lah Roast Chicken atau Ayam Panggang oleh Puan Emma. Kapada puan2 yang tidak sempat me-nyalin di-sertakan resepi-nya di-bawah ini :—

AYAM PANGGANG

Bahan2-nya

- 1 ekor ayam, di-siang, di-potong dan di-gosok dengan limau.
- Sedikit garam dan lada sulah.
- 3 biji bawang besar, di-hiris.
- 3 biji lobak merah, di-hiris.
- 1 lb mentega
- 1 ikat daun saderi
- 1 chawan beras, di-chuchi dan di-toskan hingga kering.
- 2½-3 chawan ayer rebusan daging.

CHARA2 MEMBUAT-NYA

1. Ayam di-lap hingga kering dengan meng-gunakan kain kering dan di-lumur dengan garam dan lada sulah dan biarkan begitu sa-lama 1 jam.
2. Ikat-lah ayam tadi sa-belum di-panggang. Ikatkan-lah kulit di-leher ayam itu ka-belakang ayam tadi dengan menggunakan pengungkit. Kaki2 ayam tadi hendak-lah di-tekanan dekat dengan badan ayam

dan peha2 ayam hendak-lah di-chuchok de-ngan menggunakan pengungkit.

3. Letakkan-lah ayam di-atas rak dulang pembakar, bahagian dada di-sebelah atas. Tutop-lah dengan hirisan2 bawang besar dan lobak merah dan di-atas-nya di-buboh mentega. Masokkan-lah dulang pembakar itu di-dalam oven dan panggang-lah di-dalam keadaan suhu 250°C. Apabila bawang besar dan lobak merah tadi telah masak, angkat-lah dengan berhati2 tanpa merosakkan kulit2 bawang besar dan lobak2 merah.



Tunok chara memasak Ayam Panggang oleh Puan Emma Abdullah (paling atas) dan temu-ramah dengan dua orang Atendan Letak Kereta.

SUSUNAN RANCANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Rosnani binte Yahya, No. 32B, Jalan Istana Pantai Seri Kenangan, Tutong (gambar atas) mendapat giliran untuk memilih lagu2 dalam ruangan hiboran "Apa Pilehan Awda" minggu ini. Dalam rancangan yang akan kadudara pada hari Jumaat 5hb Januari, 1979 jam 9.00 pagi itu, Dayang Rosnani akan memilih tujuh buah lagu kegemaran-nya untuk hiboran Awda pendengar. Siaran ulangan rancangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menuaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilihan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentary Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian

Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama;

7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan rancangan dibacakan; 6.05 — Bacaan

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membacakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Puspaparam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara; dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib; di-ikuti oleh bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Melody Time (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions-Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Ja'afar Yakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — John Fox presents the John Fox Orchestra; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON:** 12.00 — My Word (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound by Tajul Ahmad; 8.30 — Our Brunei Vivivanti Ali (repeat); 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Before we say goodnight by Ak. Hishamudin Pg Yaakub; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —

Calling On You by Sheikh Abbas. **NOON:** 12.00 — Our Brunei produced by Vivivanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Jethro Tull — Live (Part 2); 8.30 — Dr Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — A Date with Paul Williams; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Dr Finlay's Casebook (repeat); 11.30 — From Ticker, Tape and Telephone. **NOON:** 12.00 — Stringsound; 12.30 — News; 12.45 — Doors to Opportunity by Ja'afar Yakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of the Pops (repeat); 8.30 — Just For Variety by Sheikh Abbas; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour — produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON:** 12.00 — Top of the Pops. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Open-

ing Announcement — Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Dad's Army; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 82nd Season of "Henry Wood Promenade Concert"; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Higher and Faster. **NOON:** 12.00 — Dad's Army (repeat); 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Door to Opportunity produced by Ja'afar Yakub; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty Five — "Credit Risk" — by R.D. Wingfield; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — Sports Magazine. **NOON:** 12.00 — Steptoe and Son; 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "The Byrds Reunion Special" (Part 1); 8.30 — Forum — produced by Vivivanti Ali; 9.00 — Agriculture — Key to Living; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.



SA-ROMBONGAN 12 orang penuntut tahun pertama dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut, yang diketuai oleh Pen-sarah mereka Awang Md Noor bin Haji Daud telah mengadakan lawatan sambil belajar di-beberapa tempat di-Daerah Brunei-Muara.

Di-antara tempat2 yang mereka la-wati ia-lah di-ranchangan bantuan tana-man buah2an Kampong Kasat, Steshen. Pertanian Lumapas dan ranchangan ban-tuan tanaman kelapa di-Kg Junjongan. Di-ranchangan tanaman kelapa Kg Jun-jongan mereka telah di-alu2-kan dan di-beri penerangan mengenai dengan tana-man kelapa oleh Pegawai Luar Pertanian Mukim tersebut Awang Bangkok bin Kula (gambar atas).

Lawatan sambil belajar

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 28hb Disember, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. BAWANG MERAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Sharikat Haji Abdul Rahman,
No. 94, Jalan Chevalier.
2. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Tan Eng Huat,
No. 111, Bangunan Guru2 Melayu,
b) Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT :

1. BAWANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Sia Heng Hong,
No. 31-B, Jalan Sungai.
2. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty,
b) Yung Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Rambai.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Soon Seng Co.,
No. 32, Jalan Pretty.
b) Eng Soon Seng,
No. 58, Jalan Pretty.
c) Kok Kee

No. 60, Jalan Pretty.

- d) Chop Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
- e) Yung Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Rambai.

SERIA :

1. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
c) Soon Kheng,
No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
2. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
d) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Foo Hap Shing,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Soon Kheng,
No. 50-B Jalan Bunga Kuning.
d) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.

Perkhidmatan Serahan Berekod

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Per-khidmatan Pos Brunei telah memperkenalkan satu perkhidmatan baru yang di-panggil "Perkhidmatan Serahan Berekod" mulai 1hb Januari yang lalu.

Perkhidmatan ini se-akan2 perkhidmatan surat berdaftar akan tetap bayar-an-nya ada-lah lebih mu-rah ia-itu 50 sen bagi tiap2 benda serahan Berekod berbanding dengan bayar-an surat berdaftar sa-ba-nyak \$1.00, selain daripada bayaran Pos biasa. Pam-pasan sa-hingga \$10.00 bagi tiap2 benda serahan bere-kod akan di-bayar jika benda tersebut di-dapati hilang di-dalam perjalanan pos. Perkhidmatan ini ha-nya untuk di-dalam negeri saja.

Perkhidmatan baru ini di-buat serentak di-seluruh negeri pada tarikh yang sama. Lain2 syarat ada terkandung di-dalam per-atoran2 yang boleh di-dapati di-semua pejabat2 pos.

Pendaftaran penuntut dewasa

KUALA BELAIT. — Pen-daftaran penuntut2 semua Kelas Pelajaran Dewasa bagi tahun 1979 ini akan di-adakan di-Sekolah In-geris Perdana Wazir pada 8hb, 9hb dan 11hb Januari, 1979 antara jam 6.00 pe-tang hingga 7.00 petang.

Mereka yang berminat untuk mengikuti kelas2 dewasa ada-lah di-kehendaki menghubungi Penye-lia Pelajaran Dewasa di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

JADUAL LAWATAN DOKTOR TERBANG BAGI BULAN JAN.

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Rombongan per-ubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan mengunjongi 15 buah kam-pung pendalaman di-tiga daerah di-negeri ini sepan-jang bulan Januari ini.

Menurut jadual yang telah di-ator oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, rombongan tersebut akan melawat lima buah kampung di-Daerah Belait; tujuh buah di-Daerah Tutong dan tiga buah di-Daerah Tembu-rong.

Pada hari ini rombo-ngan tersebut akan berada di-Kampung Melilas untuk merawat penduduk2 kam-pung yang memerlukan rawatan perubatan.

Lain2 kampung di-Dae-

rah Belait yang akan di-lawati oleh rombongan ter-sebut ia-lah Kampong2 Baran dan Teraja pada 15hb Januari, Kampong Buau pada 16hb Januari dan Kampong Sukang pa-da 31hb Januari.

Kampung2 di-Daerah Tu-tong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Supon Besar pada 8hb Januari; Long Mayan dan Supon Kechil pada 9hb Januari; Bukit pada 10hb Januari; Benutan pada 17hb Januari; Panchong pada 24hb Januari dan Ukong pada 30hb Januari.

Rombongan tersebut akan melawat ka-Kam-pung2 Lopat, Biang Menengah dan Lamaling di-Daerah Temburong pada 22hb dan 23hb Januari.

Pendaftaran menunaikan haji

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pendaftaran untuk menunaikan fardhu haji de-ngan kapal terbang bagi tahun 1979/1399 Hijrah akan di-buka mulai 15hb Januari 1979 dan akan di-tutup pada 30hb April 1979.

Borang permohonan bo-leh di-dapati pada masa pejabat2 di-buka dari:—

- i. Bahagian Urusan Haji, Tingkat 1, Bilek No. 211, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- ii. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belat.
- iii. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong.
- iv. Pejabat Hal Ehwal Ugama, Temburong.

Segala permohonan mes-ti-lah di-hantar dengan lengkap dan sempurna mengikut peratoran2 di-bawah ini:—

1. Nama dan alamat serta tarikh lahir hendak-lah mengikut ejaan dan tarikh di-lahirkan yang ter-dapat dalam surat beranak atau Kad Pengenalan. Su-rat beranak dan Kad Pe-ngenalan hendak-lah di-bawa bersama semasa men-daftar.

2. Nama Sheikh Haji tempatan dan di-Mekah hendak-lah di-nyatakan da-lam borang pendaftaran, ia-itu salah satu Sheikh yang di-tetapkan (Sheikh Ibrahim Brunei dan Sheikh Ali Yassin Abdulmajid).

3. Tiga keping gambar

passport untuk pendaftaran naik haji dengan kapal ter-bang hendak-lah di-hantar bersama2 dengan borang permohonan sekali.

4. Tiap2 borang permo-honan hendak-lah di-tanda tangani atau di-chap de-ngan ibu jari kanan pemo-hon.

5. Borang permohonan yang sempurna di-isikan hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan atau di-Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait, Tu-tong dan Temburong di-waktu2 bekerja biasa.

6. Pendaftaran akan di-kira mengikut tarikh dan pendaftaran itu di-terima. Borang permohonan yang tidak lengkap mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam borang ter-sebut tidak akan di-kira pendaftaran-nya.

7. Ser- bakal2 haji ada-lah di-kehendaki mempunyai passport Antarabangsa masing2 yang berasingan.

8. Surat ajuan sehat dari Tabib Kerajaan yang mem-bolehkan mereka pergi menunaikan fardhu haji hendak-lah di-perolehi. Borang untuk pemeriksaan kesihatan akan di-berikan oleh Jabatan Hal Eh-wal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan, Brunei apabila Jabatan ini mendapat ketetapan tarikh dari pihak yang berkenaan untuk memulakan pemeriksaan terse-but.

9. Semua pendaftaran yang di-sampaikan dan di-terima oleh Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Bandar Seri Begawan, Brunei dan Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait, Tutong dan Temburong tidak-lah se-mesti-nya orang yang men-daftar itu di-layani, bahkan ada-lah tert'alok kepada per-atoran2 yang di-tentukan atau yang akan di-tetapkan dari se-masa ka-semasa.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb hingga 11hb Jan. 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	8.1.1979	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	8.1.1979	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	9.1.1979	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	9.1.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	10.1.1979	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	10.1.1979	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	10.1.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	10.1.1979	Rabu	11.30-12.00 T-Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	11.1.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara	11.1.1979	Khamis	4.30- 5.30 "

SERANGAN PILLBOX DAN RUY LOPEZ

OLEH:
STEWART
WAVELL

Siri ke-7

DUA pasokan tentera sedang berhadapan. Bagaimana-kah awda akan menghancurkan musuh awda itu? Awda mesti-lah menyusun kekuatan awda supaya memberikan peluang yang terbaik untuk menyerang. Dalam masa yang sama, awda mesti-lah membuat satu kedudukan kekuatan di-mana awda sendiri tidak mudah di-serang. Bagaimana-kah awda melakukannya?

Mula2 perhatikan medan pertempuran. Ia berbentuk empat segi. Sa-belah-menyeberlah barisan untuk bergerak adalah garis lurus dan pe-penjur. Pangkal bertolak di-mana awda dapat mengempor musuh dengan baik adalah di-tengah2 — empat petak yang terletak di-tengah2. Petak2 ini adalah seperti suatu kubu pertahanan yang kukuh — seperti sa-buah pillbox (bentuk kecil berbentuk bulat di-perbuat daripada konkrit). Ia juga tempat yang baik untuk melancarkan serangan mengejut terhadap musuh di-dua2 tepi papan-chator. Oleh yang demikian, seperti yang sudah awda pela-

jari, awda mesti-lah bertarung untuk mendapatkan bahagian tengah itu. Ada-lah paling tidak bijak jika awda melancarkan satu serangan terhadap kedudukan musuh di-seberlah bahagian papan-chator kalau awda belum menguasai bahagian tengah. Bayangkan-lah yang awda sedang berjalan di-jalan raya dengan sa-buah kereta-kebal sa-masa pertempuran senget, dengan mengesahkan yang awda ada-lah berjalan terus melimpasi sa-buah pillbox yang lengkap di-senjajati dengan roket dan marian penangkis kereta-kebal. Awda ada-lah gila untuk melakukannya. Begitu-lah juga dengan main chator. Awda mesti-lah mula2 berusaha menguasai pillbox itu — empat petak di-bahagian tengah.

Awda dapat melakukannya samada menduduki-nya dengan menggunakan Bidak2 awda yang di-tengah2, di-bantu oleh kedua2 Kuda dan Gajah, dan malahan kemudian di-bantu oleh Tahir dan Menteri, atau, untuk stail yang lebih moden awda dapat mengumpun Bidak2 musuh bergerak ka-depan, kemudian menembak-nya dengan Bidak yang berada di-lorong Gajah, di-bantu oleh kedua2 Gajah yang menembak dari sudut, dan begitu juga kedua2 Kuda awda ikut mem-


bantu dengan harapan untuk memusnahkan pegangan musuh di-bahagian tengah.

Jadi itu-lah tujuan utama awda — untuk menguasai bahagian tengah. Ingat, sa-lepas menguasai bahagian tengah, keluaran dengan chepat buah-chator awda yang lain untuk bertindak. Sa-bagai contoh mari kita gunakan Pembukaan Ruy Lopez. Untuk pengetahuan, pembukaan ini adalah di-chipta dalam kurun ke-16 oleh sa-orang paderi bangsa Sepanyol yang nama-nya terdapat pada pembukaan itu. Tidak lama sa-lepas itu, pembukaan ini telah menjadi kegemaran Raja Incas agong di-Peru bernama Atahualpa yang bermain chator dalam tawanan sa-lama enam bulan, sementara sa-buah bilek dalam istana-nya padat berisi emas untuk pena'lok2 bangsa Sepanyol.

Mula2, perhatikan papan-chator dan chamkan yang petak2 itu telah di-ahjad dan di-nombor. Kemudian ikuti-lah huraian saya mengenai permainan itu.

1. B-e4 1. B-e5 — Kedua2 ingin dengan chepat untuk me-

MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA



Rajah 30

nguasai petak2 di-tengah. Kedua2 pembukaan berpepenjuru kepada Gajah masing2.

2. K-f3 2. K-e6 — Puteh menyerang. Hitam mempertahankan Bidak tengah-nya.

3. G-b5 Gerak istimewa Ruy Lopez. Puteh sa-chara tidak langsung menyerang Bidak Hitam pada e5 dengan ancaman sa-lanjut-nya pada GxK dan KxB yang memberi kebingungan kepada Hitam.

dengan yang demikian meng-harapkan bagi menguasai ba-hagian tengah. Gajah juga membelenggu Kuda kepada Menteri, menghalang perke-mbangan biasa di-seberlah Men-teri. Ia juga menyediakan per-kubuan chepat di-seberlah Raja.

3. ... 3. B-a6 — Mengusir

Gajah, di-ikuti sa-terus-nya de-ngan B-b5, melepaskan dari-pada belenggu Kuda.

4. G-a4 — Puteh tidak da-pat 'makan' Bidak Raja de-ngan GxK, BmxG; 5. KxB kerana 3. ... M-d4.

4. ... 4. K-f6 — Serangan balas terhadap Bidak Puteh.

5. O-O (Ini bererti: ber-kubu). Seperti yang awda nampak, Puteh telah tidak menghiraukan serangan ini, bukan kerana ia berchadang hendak membelenggu Kuda kepada Raja Hitam dengan Tahir-nya dan 'makan' dengan menggunakan Bidak: perkara itu tidak berlaku, sa-balek-nya ia mengharapkan permainan sa-terus-nya yang lebih ter-buka. Tindakan ini akan di-bin-bangkan dalam keluaran Pelita Brunei akan datang.

5. ... 5. G-e7.

6. T-e1 Mengancam GxK, BmxG; 8. KxB apabila M-d4 tidak lagi dapat di-lakukan di-sebabkan 9. K-f3.

6. ... 6. B-b5.

7. G-b3 7. B-d6. Huraian Masa'alah 5


1. B-g6, B-f5; 2. T-h8! men-yerang kalah. Jika MxT, MxB(h4) dan mendesak mat (mate).

JADI AHLI CHATOR?

KALAU awda ingin men-jadi ahli Persatuan Cha-tor Brunei, Bahagian Ban-dar Seri Begawan, hu-bongi-lah Pengiran Bada-rudin bin Pengiran Ra-baha, Penolong S/Usaha Kehormat, PCB (Gambar sebelah); di-alamat Ba-hagian Perdagangan, RTB. Bayaran masuk \$10 dan pada tiap2 hari Ahad, badan ini lazim-nya ada di-Pusat Belia, mengada-kan latehan2 dan per-lawanan chator sa-chara persahabatan.



MASAALAH 6



Rajah 31

Daripada kedudukan ini Puteh chuba membawa Kuda Menteri-nya ka-seberlah bahagian Raja untuk menempatkan satu kedudukan Kuda di-f5 sa-belum melancarkan se-rangan dari sa-belah ba-hagian Raja, tetapi ba-gaimana Puteh bermain sa-terusnya tergantung-lah pada gerak yang di-buat oleh Hitam.

KEJOHANAN CHATOR



Pasokan SPARTAN johan lagi

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pasokan SPAR-TAN dari Kampong Saba Tengah, telah munchol sa-kali lagi menjadi johan dua tahun berturut2 ia-itu tahun2 1977 dan 1978 yang baru lalu, dalam per-lawanan bolasepak 7 orang sa-pasokan bagi belia2 yang berumur 17 tahun ka-bawah, apabila pasokan

itu menewaskan Pasokan LUMAPAS SOCCER de-ngan 2 gol berbalas 1. Tempat ketiga ia-lah pasokan dari Kampong Ujong Klinik dan tempat ke-empat pasokan dari Kampong Lurong Sikuna. Sa-banyak 19 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

GAMBAR bawah kelihat-

an ketua Pasokan SPAR-TAN sedang menerima ha-diah dari Setia Usaha Agong Persatuan Kg Saba (Perkasa), Awang Abdul Jalil Haji Abu Bakar; se-mantara gambar bawah menunjukkan pemain bola-sepak Pasokan SPARTAN dengan piala kejohanan yang telah di-sandang-nya pada dua tahun berturut2.



Jika ada masaalah chator...

PENULIS renchana MAIN CHATOR — PERMAIN-AN DIRAJA, Awang Stewart Wavell, menyata-kan kepada Pelita minggu ini bahawa jika ada sa-kira-nya para pembaca kurang faham atau ada sedikit kesulitan untuk memahami renchana ter-sebut atau ada lain2 masa-alah berhubung dengan main chator ini, boleh-lah berhubung dengan beliau di-rumah-nya sendiri tali-pon 26142 di-antara jam 5.00 hingga 6.00 petang, pada tiap2 hari.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Chator Terbuka, sempena Istiadat Menanda-Tangani Tarikh Kemerdekaan Brunei, telah di-langsungkan di-Pusat Belia pada 26hb No-ember yang lalu.

Keputusan-nya adalah sa-peru berikut: — Johan — Awang Mohammad bin Haji Damit; Naib Johan — Awang Fu Chee Ying dan ketiga — Dayang Lalita Kamble.

Tiga orang mendapat hadiah sugu hati. Mereka ia-lah: YAM Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusoff bin Pe-ngiran Mohd Limbang, Awang Somasunderam dan Awang Anthony Chin.

Sementara itu, upacara penyampaian hadiah2 per-lawanan tersebut akan di-langsungkan di-Pusat Belia smi pada 14hb Januari, 1979, hari Ahad mulai jam 8.30 pagi.

Achra kemunchak sa-belum penyampaian hadiah2 itu, satu per-lawanan chator antara Pe-ngiran2 Cheteria dan Pehin2 dengan Pasokan2 Terbuka akan juga di-adakan bagi me-rebut Piala Kurnia Yang Ter-amat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sa-hibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiyah.

Ada-lah di-fahamkan ba-hawa pemain2 chator yang akan menyertai per-lawanan tersebut, di-minta supaya akan mem-bawa bersama2 mereka itu, buah dan papan chator masing2.

PERLAWANAN B-TAMPAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu per-lawanan ke-johanan bolatampar anjoran Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei, akan di-adakan pada per-tengahan bulan Januari ini.

Tarikh menerima penyertaan per-lawanan ini telah di-lanjutkan sa-hingga 31hb Disember lepas. Dan ada-lah di-harapkan mutu per-lawanan pada tahun ini akan meningkat atau lebih baik daripada per-lawanan pada tahun2 yang lalu.

Per-lawanan tersebut di-jangka akan di-sertai oleh beberapa persatuan sokan atau badan2 sokan di-negeri ini.

SAYA lanjutkan lagi tentang *jihad Nabi dalam dakwah*, sa-belum saya beralih kepada *jihad Nabi dalam peperangan*. Mudah2an dengan ini dapat-lah kita sama2 gambarkan, bahawa hikmat dan tujuan jihad itu semata2 kerana menyelamatkan kehormatan dan ugama, bukan-lah kerana tujuan2 kezaliman saperti yang di-tudoh oleh orang2 Qadiani (kelak akan kita baktikan hal ini, ia-itu jihad tidak lebeh dari suatu ikhtiar mempertahankan diri. Bakti2 ka-arrah ini, boleh dengan banyak-nya di-dapati dari peristewi2 yang berlaku di-antara orang2 Islam dan ka-fir Quraish).

Mari kita mulai dari Nabi mula2 menerima wahyu dalam tahun 610 M. Ketika berada di-dalam Gua Hira, Baginda telah di-datangi oleh Malaikat Jibril membawa lambaran wahyu yang pertama (Surah Al-'Alaq): "*Bacha-lah!*" Nabi Muhammad dengan gementar menjawab: "*Saya tidak pandai membacha.*" Malaikat itu memelok-nya dengan amat kuat sa-hingga Baginda merasakan nafas-nya saperti tercekik. Kemudian Baginda di-lepaskan dan Malaikat itu berkata lagi:

"*Bacha-lah!*" Baginda menjawab: "*Apa-kah yang akan saya bacha?*" Jibril seterusnya berkata: "*Bacha-lah! Dengan nama Tuhan-mu yang men-chiptakan. Menchiptakan manusia daripada sa-gumpal darah. Bacha-lah! Dan Tuhan-mu Maha Pemurah, yang mengajarkan dengan pena, mengajarkan kepada manusia apa yang belum mereka ketahui...*"

Lalu Baginda mengu-chapkan bacaan itu, dan Malaikat pun pergi (lihat HAYAH MUHAMMAD karangan Muhammad Hussein Haekal, Jilid 1).

Baginda pulang ka-ru-mah menemui isteri-nya dengan keadaan gementar kerana ketakutan. Baginda bersabda kepada isteri-nya Khadijah, erti-nya: "*Selimi-aku.*" Ia segera di-selimuti. Tuboh yang suchi itu menggigil amat dah-shat-nya saperti orang demam. Hati dan jantung yang telah berisi dengan wahyu itu maseh lagi gementar dan berdebar2. Tetapi ia beransor reda kerana mendapat belaian dan simpati yang ikhlas dari sa-orang isteri yang setia. Lalu di-pandang-nya si-isteri itu dengan mata ingin mendapatkan kekuatan.

"*Khadijah, apa-kah yang terjadi kapada-ku?*" Maksud sabda-nya. Kemudian di-cheritakan-nya apa yang di-lihat dan di-alami-nya. Di-terangkan-nya rasa ke-kuatiran-nya kalau2 ia terperdaya oleh rasa hati-nya. Syedatuna Khadijah, walaupun dalam lubok hati-nya sendiri terdapat ke-bimbangan terhadap keadaan Nabi, tetapi ia kuatkan hati dan hemah-nya, ia sorok dalam2 hingga terbenam, dan yang nampak hanya-lah ketegohan yang terpanchar dari mata dan perwatakan yang agong itu. Dengan penoh hormat dan ta'azim ia berkata:

"... Bergembira-lah, dan tabahkan hati-mu. Demi Dia yang memegang hidup Khadijah (maksud-nya 'de-

mi Allah'), aku berharap kira-nya engkau akan menjadi Nabi atas umat-mu ini. Dan Allah sekali2 tidak akan menghinakan engkau, kerana engkau telah mempertegohkan tali kekeluargaan, lurus dalam perkataan, memikul beban orang lain dan menghormati tetamu serta bersedia menolong se-siapa sahaja yang dalam kesulitan atas jalan yang betul."

Mendengar itu hati Nabi menjadi tambah tenang. Di-pandang-nya Syedatuna Khadijah dengan mata penoh terima kasih dan kasih sayang. Seluruh anggota badan-nya sekarang bertambah letih, dan Baginda perlu tidor. Maka ia pun tidor, tidor yang kemudian-nya bangun semula untuk meneruskan kehidupan rohani yang kuat, suatu kehidupan dahshat yang sung-goh luar biasa, yang penoh dengan taqwa dan pengorbanan semata2 kerana Allah dan hak. Itulah dia *risalah ketuhanan* yang hendak di-sampaikan kepada umat akhir zaman oleh Nabi dan Rasul akhir zaman.

Sementara Nabi maseh tidor, Syedatuna Khadijah tinggal sa-orang diri, tetapi tidak tahan ia lama2 begitu, fikiran-nya kachau, berpindah2, dari harapan kepada sangsi dan ragu. Ini sungguh tidak boleh jadi, fikiran yang demikian—jika tidak segera di-tenteramkan—boleh merosakkan. Oleh itu di-putuskan-nya untuk menemui Waraqah bin Naufal, saudara sepupu-nya. Ia memilih Waraqah, kerana orang ini sudah teruji bijaksana-nya, tentu sekali ia dapat memberikan nasehat. Waraqah ialah sa-orang penganut ugama Nasrani yang telah mengenali Injil.

Siri ke-20

SYEDATUNA KHADIJAH DAN SYEDINA ALI MULA2 MENERIMA DAKWAH

Syedatuna Khadijah telah menceritakan kepada Waraqah apa2 yang telah di-lihat-nya, dan apa2 yang di-cheritakan Nabi kepada-nya. Waraqah menundok sa-ketika saperti memikirkan sesuatu, dan akhir-nya berkata: "*Maha Suchi Dia, Maha Suchi Dia, Demi Dia yang memegang hidup Waraqah, perchaya-lah wahai Khadijah! Muhammad telah menerima Undang2 Besar saperti yang pernah di-terima oleh Musa. Sesungguh-nya ia ada-lah Nabi umat ini. Katakan kepada-nya supaya tetap tegoh dan tabah.*"

Syedatuna Khadijah pulang. Di-dapati-nya Nabi Muhammad maseh tidor. Di-pandang-nya suami-nya itu dengan penoh kasih sayang berchampur chemas. Dalam keadaan tidor yang demikian itu, tiba2 suatu suasana lain datang. Baginda terbangun, manakala Jibril datang membawakan wahyu (Surah Al-Muddassir), yang bermaksud:

"*Wahai orang yang berselimi-ut! Bangun dan berikan-lah peringatan. Tuhan engkau, besarkan-lah! Pakailah engkau, bersehhkan-lah! Perkara yang tiada suchi, hindarkan-lah! Dan jangan-lah engkau memberi kerana hendak mendapat yang lebeh banyak, dan untuk (memerohi perintah) Allah, hendak-lah engkau berhati tegoh!*"

Di-pandang-nya Baginda oleh Khadijah dengan rasa hormat dan kasih sayang yang lebeh mendalam. Di-hampiri-nya perlahan2 dan di-minta-nya supaya istirehat dan kembali tidor. Tetapi Baginda segera bersabda, erti-nya: "*Masa tidor dan istirehat tidak ada lagi, wahai Khadijah. Jibril membawa perintah supaya aku menyampaikan peringatan kepada manusia, mengajak mereka supaya beribadat hanya kepada Allah. Tetapi siapa-kah yang akan aku ajak? Dan siapa pula yang akan mendengar-nya?*"

Mendengar demikian, Syedatuna Khadijah chepat2 men-tenteramkan Baginda dengan menceritakan pertemuan-nya dengan Waraqah. Dan dengan penoh semangat, ia menyatak-an iman-nya terhadap kenabian Nabi Muhammad s.a.w.

Sekarang telah ada sa-orang yang membenarkan-nya, baru



sa-orang sahaja, ia-itu isteri-nya yang di-kasehi. Ya, sudah amat wajar-lah demikian itu. Tetapi bagaimana dengan orang ramai Quraish? Bagaimana supaya mereka itu turut sama beriman? Padahal Baginda chukop tahu yang mereka itu sangat kuat mempertahankan kekafiran, dan bahkan bersedia sekali untuk berperang dan mati kerana-nya.

Ini-lah yang merisaukan Nabi, dan Baginda lantaran itu sangat2 mengharapkan bimbingan wahyu yang akan menyuloh-nya. Tetapi, wahyu itu sekarang terputus. Jibril tidak datang lagi. Baginda terasa asing dan sunyi. Baginda ingin, dengan seluruh jiwa-nya, membubong tinggi — menanyakan: "*Kenapa, ya kenapa sesudah di-pileh-Nya aku, lalu di-tinggalkan-Nya pula?*"

Allah Maha Mendengar lagi bijaksana. Dia tahu isi hati hamba-Nya. Maka sa-telah beberapa lama terputus itu, dan Nabi amat khuatir kerana-nya, tiba2 datang-lah wahyu yang di-tunggu2 itu — Surah Adz-Dzuha — erti-nya: "*Demi pagi waktu matahari naik, dan demi malam bila senyap sunyi, Tuhan-mu tidak meninggalkanmu, dan juga merasa benchi. Sesungguh-nya hari kemudian itu ada-lah lebeh baik untukmu dari yang sekarang. Dan akan ada segera kornia Tuhan engkau, maka engkau pun akan bersenang hati. Bukan-kah Dia mendapati engkau sa-orang yatim lalu di-beri-Nya engkau tempat berlinggong, dan Dia mendapati engkau tidak tahu jalan, lalu di-tunjuki-Nya jalan. Dan di-dapati-Nya engkau mempunyai keperluan, lalu di-chukapkan-Nya. Sebab itu, terhadap anak yatim jangan-lah engkau bersikap bengis, dan tentang orang yang meminta, jangan engkau tolak (usir) dan tentang kornia Tuhan-mu, hendak-lah engkau sibarkan!*"

Nah! Sekarang kerisauan hati Nabi terjawab sudah, ia-itu dengan turun-nya Surah Adz-Dzuha di-atas. Betapa damai jiwa dan rasa takut pun padam, menimbulkan berani dan ketegohan sa-bagai tukaran-nya. Allah telah memberi tahu-nya bahawa ia di-lindungi dengan rahmat-Nya. Hilang-lah segala keragu2an. Tidak ada takut dan kesal lagi. Yang ada sekarang ia-lah hidup dan jihad di-jalan Allah. Hanya kepada Allah menyerahkan diri, hanya kepada Allah menundukkan kepala (sujud). Hanya Dia-lah Yang Hak, tempat bergantung dan tempat kembali.

Kisah ini amat indah, tuan! Mari kita lanjutkan lagi.

Allah telah mengajar Nabi-nya ibadat sembahyang, lalu Baginda pun melakukan-nya bersama2 keluarga-nya.

Pada masa itu suku Quraish sedang mengalami krisis eko-

nomi yang dahshat. Abu Talib, bapa saudara Nabi, mempunyai anak2 yang ramai untuk ditanggung-nya. Maka untuk turut sama2 meringankan beban Abu Talib, Baginda Rasulullah telah mengajak bapa saudara-nya 'Abbas' yang masa itu paling berada di-antara keluarga Bani Hashim, supaya mengambil bagi tiap2 mereka sa-orang anak Abu Talib.

"*Abu Talib anak-nya ramai,*" ujar Baginda (maksud hadith), "*saperti yang engkau lihat. Elok-lah kita ringankan beban-nya dari anak2-nya itu. Aku akan mengambil sa-orang dan kau pun mengambil sa-orang untuk kemudian kita asoh.*"

Maka sa-telah sa-pakat, 'Abbas pun mengambil Ja'afar dan Nabi mengambil Syedina Ali. Pada masa itu Syedina Ali maseh kanak2 lagi, ia belum baligh.

Suatu hari, sedang Nabi dan Syedatuna Khadijah sembahyang, tiba2 Syedina Ali yang maseh kanak2 itu masuk kadalam. Di-lihat-nya kedua orang itu sedang roko' dan kemudian sujud serta membacha beberapa ayat yang hingga waktu itu di-wahyukan kepada-nya. Kanak2 yang belum baligh itu terpegun berdiri... bertanya: "*Kapada siapa-kah kalian sujud?*"

Sesudah sembahyang selesai, Nabi menjelaskan, erti-nya: "*Kami sujud kepada Allah, yang mengutus-ku menjadi Nabi dan memerintahkan aku mengajak manusia menyembah-Nya.*"

Lalu Baginda pun menyimbat menyampaikan dakwah-nya kepada Syedina Ali, mengajak-nya supaya beribadat kepada Allah, menerima ugama Islam, dan meninggalkan berhala. Dan sambil itu Rasulullah juga membachakan beberapa ayat Al-Kor'an, dan Syedina Ali terpegun mendengar-nya.

Syedina Ali meminta tempoh akan berunding dulu dengan ayah-nya, Abu Talib. Malam itu ia amat gelisah, tetapi tidak lama — esok-nya saja — ia memberi tahu Nabi, bahawa ia akan mengikut Baginda dengan tidak perlu lagi memberi tahu ayah-nya. "*Allah menjadikan saya tanpa perlu berunding dengan Abu Talib, jadi apa gunanya saya mesti berunding dengan dia untuk menyembah Allah?*"

Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! Jadi-lah Syedina Ali bin Abu Talib kanak2 pertama yang menerima Islam. Kemudian Zaid bin Harithah.

Sa-takat ini, Islam itu maseh dalam lingkungan keluarga Nabi lagi: Baginda sendiri, isteri-nya Khadijah, sepupu-nya Syedina Ali dan bekas budak-nya Zaid bin Harithah.

(Bersambung)

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sa-bagai Guru Jururawat Kelinik

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Guru Jururawat Kelinik di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Kelulusan jururawat yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England, dan sebaik2-nya mempunyai Sijil Perbidanan Division satu atau

kelayakan yang sebanding.
b) Mesti-lah mempunyai Clinical Instructor's Certificate daripada sa-sebuah badan latehan yang di-iktiraf dan mempunyai sekurang2-nya 2 tahun di-bidang latehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji M.11 — B\$1670-1734-1798-1862-1925-1989/E B/2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantung kepada ke-

layakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar bakis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perubatan. Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Februari, 1979.

(E/326/78 — Bil: 144/1978)

Kenyataan

Pegawai Penguasa Warith

No. 54 OF 1978

APPLICATION to this Court having been made by Yee Kim Wai of No. 57, Jalan Bunga Kuning Seria, Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of HOW NGIAU @ HOI YONG late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicant is the intimate friend of the deceased.

No. 55 OF 1978

APPLICATION to this Court having been made by Madam Ho Moi Jong @ Ho Tze Mee of H14/26-A, Lorong 8, Seria, Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of TEO KWANG ENG late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicant is the lawful widow of the deceased.

Notice is hereby given that the application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 4th day of January, 1979 at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to attend the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

CHARLIE FOO
Probate Officer,
State of Brunei.

Sa-bagai Pengajar Teknik dan Pen. Pengajar Teknikal

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Sekolah2 Teknikal dan Lateh-Kerja, di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

- PENGAJAR TEKNIK:
- PENOLONG PENGAJAR TEKNIKAL:

Dalam bidang2 yang berikut:—

- Plumbing and Pipefitting
- Painting and Decorating
- Welding and Vehicle Body Repair
- Electrical Installation
- Catering (Food and Beverage Service)
- Refrigeration and Air-Conditioning

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 untuk jawatan No: 1. hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Full Technological Certificate atau yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau

pengalaman mengajar selama 10 tahun. Keutamaan akan diberikan kepada chalon2 yang mempunyai sijil2 guru terlatih.

Pemohon2 untuk jawatan No: 2. hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Advanced Craft Certificate atau yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau pengalaman mengajar selama 5 tahun.

Umur: Tidak kurang dari 25 tahun.

Dalam sukatan gaji:

Jawatan No: 1. T. 8 — B\$931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352/E B/1403-1454-1505-1556-1607-1658-1709-1760-1811-1862.

ATAU

T. 9 — B\$1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454-1505-1556-1607-1670-1709/E B/1860-1811-1862-1918-1964-2015-2091-2142-2193-2219.

Jawatan No: 2. T. 7 —

B\$746-778-810-880-905-931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135/E B/1173-1211-1250-1301-1352-1377-1403-1428-1454-1479.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar bakis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perubatan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

(E/618/72 — Bil: 136/1978)

Sa-bagai Penterjemah Kanan

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Lulus peperiksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Peringkat Biasa) dalam tiga matapelajaran (termasuk bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Melayu.
- Mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 5 tahun dalam kerja2 penterjemah.
- Boleh membacah dan menulis Jawi.

Gaji: Dalam sukatan gaji C.2 E.B. 3 — B \$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/E B/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar bakis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perubatan. Pada masa ini tidak ada

Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang

lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Mach, 1979.

(E/273/62 — Bil: 145/1978)

KENYATA'AN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan adalah di-pelawa untuk memohonkan perkhidmatan kanten di-ketiga2 buah Sekolah Agama yang berikut Jabatan Hal Ehwal Ugama:—

- Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1 1/2, Jalan Tutong;
- Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, Brunei; dan
- Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam, Brunei.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei Pejabat Kewangan Negara tidak lewat dari 16hb Januari, 1979 hari Selasa jam 12.00 tengah hari dengan menulis di-sampul surat-nya tawaran kanten Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1 1/2, Jalan Tutong, Brunei atau tawaran Kanten Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba atau tawaran Kanten Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam (tawaran sekolah yang di-masuki).

3. Jika tawaran lewat di-terima dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di atas tidak akan di-layan.

4. Wang pendahuluan mengenai perkara tersebut adalah di-kehendaki di-bayar sebanyak \$50.00 bagi tiap2 sa-buah sekolah kepada Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Tingkat Pertama, pada bila2 masa waktu bekerja biasa hingga 15hb Januari, 1979 jam 3.00 petang.

5. Jika penerangan2 lebih lanjut mengenai perkara ini serta sharat2 tawaran tersebut ingin di-perolehi, maka Guru Besar ketiga2 buah Sekolah Ugama yang berkenaan boleh-lah di-hubungi.

6. Pada kebiasa'an-nya tempoh perkhidmatan sa-buah kanten adalah sa-lama 2 tahun mulai dari tarikh yang akan di-tetapkan kemudian dalam surat perjanjian.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran dengan kadar sewa yang tinggi atau seumpama-nya.

KENYATA'AN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan adalah di-pelawa menghantar surat tawaran mereka bagi menjalankan perkhidmatan kanten Sekolah2 Ugama Menengah yang berikut Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Batu 1 1/2, Jalan Tutong, Brunei:—

- Kanten Sekolah Menengah Arab Laki2 Hassanah Bolkiah;
- Kanten Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei Pejabat Kewangan Negara tidak lewat dari 19hb Januari, 1979 hari Selasa jam 12.00 tengah hari, dan jika tawaran lewat di-terima dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di atas tidak akan di-layan.

3. Wang pendahuluan mengenai perkara tersebut adalah di-kehendaki di-bayar berjumlah sebanyak \$50.00 untuk tiap2 sa-buah sekolah di-Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Tingkat Pertama, pada bila2 masa waktu bekerja biasa sehingga hari Ithnin 8hb Januari, 1979 jam 3.00 petang.

4. Pemborong yang berjaya mengenai perkara ini pada biasa-nya akan menjalankan perkhidmatan itu dalam tempoh 2 tahun mulai dari tarikh ia memulakan perniagaan-nya di-kanten sekolah tersebut.

5. Kira-nya keterangan lebih lanjut mengenai dengan sharat2 tawaran tersebut ingin di-perolehi, maka Pengetua Sekolah2 Menengah yang berkenaan boleh-lah di-hubungi.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang mahal atau seumpama-nya.

PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR Melayu Diraja Brunei menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menantang dan yang berharga sebagai Pegawai Biasa Bertauliah dalam Pasukan ini. Pasukan ini adalah sa-buah Pasukan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untuk di-latih sebagai Pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, seperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Persenjataan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, Pasukan ini boleh membantu awang2 untuk di-latih dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa awang2 akan menerima tawaran ini sa-bagai satu chabaran. Jika demikian memohon-lah untuk di-temu duga. Temu duga yang akan datang akan di-adakan pada Bulan April 1979. Awang2 hendak-lah menghantar permohonan bertulis kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kepada-nya tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

Bagaimana pun, pekah kami memerlukan awang2 memohon sharat2 yang berikut bagi membolehkan awang2 memasuki-nya.

- Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika awang2 bukan dari kaum jati puak2 itu, awang2 mesti-lah beragama Islam dan menyesuaikan diri awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan yang tertakal kepada sa-barang undang2 bertulis yang berhubung dengan kebangsaan.

c. Bahasa

- Bagi pemohon2 yang tidak pandai berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Melayu 1978. Keistimewaan akan di-berikan kepada awang2 yang berjaya untuk mempelajari bahasa Inggeris.
- Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris Tahun 1978.

d. Berumur di-antara 17 1/2 hingga 25 tahun pada 21hb May 1979 dan maseh bujang.

e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inchi dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika awang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, awang2 akan menjalani latehan asas tentera di-Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untuk latehan lanjutan, tertakal kepada tamat latehan, sa-belum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai di-dalam Pasukan itu.

Jika awang2 memerlukan sa-barang ma'alumat silalah berhubung terus kepada Timbalan Penolong Ejuton Agong, Askar Melayu Diraja Brunei, nombor talipon 25581 sambongan 194.

Jawatan2 Kosong Bergaji Hari

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memenohi jawatan2 kosong bergaji hari dalam Jabatan2 Kerajaan dan gaji bulan di-Sektor Swasta.

Majikan

Pejabat Pos, Bandar Seri Begawan.

Jawatan

2 kekosongan Pemandu Truck Kelas 5.

Gaji

Kadar D \$13.10-\$14.90.

Majikan

Pejabat Penerbangan Awam, Brunei.

Jawatan

2 kekosongan Pemandu Bus Kelas 6.

Gaji

Kadar D \$13.10-\$14.90.

Majikan

Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan Brunei.

Jawatan

2 kekosongan Pemandu Truck Kelas 5.

Gaji

Kadar D \$13.10-\$14.90.

Majikan

O'Connor's Ltd.

Jawatan

*Sales Executive

Gaji

\$450 min.

*Lulus Form 5 Senior Cambridge dan mempunyai kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas2-nya.

Kapada pemohon2 yang ingin untuk memenohi jawatan2 yang tersebut di atas adalah dengan ini di-pelawa hadir ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan segera-nya dengan membawa bersama2 mereka Kad Pengenalan, Lisen Memandu yang sah, surat2 atau sijil2 yang berkenaan untuk kemudahan rujukan.

Sa-bagai Penjaga Aquarium

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Penjaga Aquarium di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan Bahasa Inggeris. Mereka mesti-lah pandai berenang.

Tugas2:

Membuat semua kerja2 seperti menjaga kebersihan kolam2 ikan dan kolam2 terrarium. Chalon2 akan juga di-kehendaki membantu dalam kerja2 mengutip chontoh2 (specimen).

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 E.B. 4 — \$357-370-383-395-408-

421-434-446-459-472-485-497-510-523 / E.B. / 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Februari, 1979.

(E/177/75 — Bil: 144/1978)

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SA-BAGAI PEMBANTU TEKNIK KANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkecayaan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pembantu Teknik Kanan bagi Projek Padi Kerajaan Brunei di-Jabatan Kerja Raya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tujuh tahun pengalaman dalam memelihara, membaiki dan merawat perkakasan tanah, jentera2 kuat dan traktor2 berat. Ada-lah lebeh baik jika chalon2 pernah menjadi apprentis atau mempunyai lataan yang rasmi. Fasih bertutur dalam Bahasa Melayu ada-lah mustahak dan di-inginkan mempunyai pengetahuan yang baik dalam tulisan dan pertuturan Bahasa Inggeris. Chalon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam satu jawatan

yang bertanggung-jawab menjaga pasokan yang merawat, memelihara dan membaiki yang menjalankan kerja di-luar mahu pun di-dalam Bengkel. Kebolehan mengawal dan mengontrol orang2 bawah ada-lah perlu. Chalon2 mesti-lah bersedia untuk bekerja dalam keadaan2 yang sukar di-mana2 dalam Negeri ini.

Tugas2 :

Menjaga dan mengarahkan sa-pasokan mekinik yang bertugas dalam lapangan ini dan bertanggung-jawab ka-atas memelihara bengkel bagi loji tolak tanah dan perkakas yang sama. Steshen bertugas mula2 ia-lah di-Kilanas/Mulaut.

Umur :

Tidak kurang dari 25 tahun.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3—\$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428-1479-1530-1581-1632-

1683. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan :

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Februari, 1979.

(E/890/71—Bil: 143/1978)

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH KUALA BELAIT

SURAT KUASA PESAKA No. 51/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Jama binte Rusli kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Allah Yarham Haji Lamat bin Bakar yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 52/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Aisah binte Raub kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Allah Yarham Nasir bin Maturidin yang telah meninggal dunia di-Lumut, Sg. Liang dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 4 haribulan Januari, 1979 pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menandatangani perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

No. 53 OF 1978

APPLICATION to this Court having been made by Voon Choon Fah c/o. Kg Sg Liang, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Ngieng Siu Tee @ Ngieng Su Tee late of Kuala Belait, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful widow of the deceased.

Notice is hereby given that the application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 4th day of January, 1979 at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to attend the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to lodge a caveat with the Court of the HIGH COURT, Kuala Belait before the above date.

Dated this 14th day of December, 1978.

CHARLIE FOO
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Sa-bagai Penjaga Malam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman : Pemohon2 ada-lah sebaik2-nya berumur di-antara 30 dan 40 tahun dan mesti-lah berbadan sehat. Hanya mereka yang tinggal berdekatan dengan Steshen Perikanan Muara di-kehendaki memohon.

Tugas2 :

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja 8 jam sa-chara bergilir (shift) sama ada dari jam 4.00 petang hingga 12.00 malam atau dari jam 12.00 malam hingga 8.00 pagi. Tugas2 jawatan ini termasuklah mengawasi keselamatan kapal penyelidek dan bot2 Jabatan Perikanan dan memelihara dan menjaga jentera2, per-

kakas2 dan kawasan Steshen Perikanan Muara.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F.1-2 EB.3 — \$306-312-319-325-332-338-344-351/EB/357-363-370-376-383.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Februari, 1979.

(E/888/71 — Bil: 142/1978)

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered Class A contractors up to noon 22nd January 1979 for:—

The construction of the Nursing Group Buildings and associated site works at the New General Hospital at Kiulap for the Government of Brunei.

2. Tenders received after the stated date will not be considered.

3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.

4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked:

Proposed General Hospital
— at Kiulap
Nursing Group Buildings.
— Contract 4

5. Tenders documents can be obtained from the office of Alister MacDonald dan Rakan, Architects, at 147 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from 27th December 1978.

6. The tender deposit will be B\$1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only) by a crossed cheque made out to the Architects. The tender deposit will not earn interest and will be refunded in full to each tenderer who submits a bona fide tender.

7. Tenders must be submitted on the approved form. Qualified tenders will not be considered.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, Tuesday 9th January 1979 for the:—

EXECUTION OF BUILDING AND CIVIL ENGINEERING WORKS UNDER TERM CONTRACT AT ESTABLISHMENTS MAINTAINED BY THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT TUTONG.

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 9th January 1979 will be rejected.

TENDER NOTICE

PROPOSED ANODISED ALUMINIUM WORK TO LAPAU DI-RAJA BANDAR SERI BEGAWAN FOR THE GOVERNMENT OF BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the

1.1 Office of the State Financial Officer, Ground floor, the Government Offices, Bandar Seri Begawan from bona fide Aluminium Contractors for the supply and fixing of decorative anodised aluminium work to the Lapau up to 12.00 noon Tuesday 16th January 1979.

1.2 Tenderers must produce satisfactory evidence of competence in this field before Tender Documents can be issued.

2. Tenders received after this time will be rejected.

3. Tenders to be forwarded only in the envelope provided. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. Tender Documents, Drawings and Specification may be obtained

4.1 from and may be examined at the Office of the Architects.

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2
146 JALAN CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

upon payment of the Tender Deposit from Tuesday 2nd January 1979.

4.2 The Tender Deposit will be \$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender.

5. Tenders are to be submitted only on the forms provided.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2
P O BOX 65
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

No. 223 OF 1978

FRESH Tenders will be received by The Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th January, 1979 for:—
SUPPLY C.I.F. BRUNEI 1 UNIT 6—7 TONS FLAT-BED TRUCK WITH HIAB HOIST.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of the Director of Public Works, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 224 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th January, 1979 for:—

tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th January, 1979 for:—

REPAIR AND RE-DECORATION OF KUALA LABU CUSTOMS CHECKING STATION P.W.D. NO. 712 A AND B, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 225 OF 1978

FRESH Tenders will be received from Class "A" only

TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN UNTUK TAHUN 1979

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untuk membekalkan pakaian seragam bagi kakitangan Jabatan Lembaga Bandaran, B.S.B. Brunei.

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masukkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN B.S.B. UNTUK TAHUN 1979" sahaja tanpa membubuh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat pada 8hb Januari, 1979 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Pakaian2 seragam yang di-kehendaki itu ada-lah sa-

perti berikut:—

1. Merinyu Bandaran
2. Pengawas Tingkat II
3. Pengawas Letak Kereta
4. Pengawas Kechil
5. Mandor
6. Peon
7. Atendan Letak Kereta
8. Pemandu
9. Operator Mesin Rumpit
10. Buroh

Walaupun demikian keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Jabatan Lembaga Bandaran, B.S.B. Brunei pada bila2 masa waktu pejabat dibuka.

5. Wang Chengkeram sebanyak \$100.00 hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Lembaga Bandaran, B.S.B. pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga jam 3.00 petang.

6. Pemborong2 yang berjaya akan membekalkan pakaian seragam bagi tahun 1979 sahaja.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th January, 1979 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF UNCRUSHED LOCAL STONES TO P.W.D. BRUNEI 1979-1980.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 226 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th January, 1979 for:—

REPAIR AND EXTERNAL REPAINTING TO 4 STOREY SURI SERI BEGAWAN FLATS (LB NO. 2) AT JALAN TUTIONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 227 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th January, 1979 for:—

SUPPLY AND DELIVERY OF EARTHFILL FOR B.S.B./JALAN MUARA LINK ROAD.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN TUTUP LONGKANG BESI DAN KONKERIT SLAB 2' X 2' X 2" UNTUK LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN BAGI TAHUN 1979

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untuk membekalkan Tutup Longkang Besi dan Konkerit Slab bagi keperluan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masukkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "Tawaran Membekalkan Tutup Longkang Dan Konkerit Slab Lembaga Bandaran, Bandar

Seri Begawan Untuk Tahun 1979" sahaja tanpa membubuh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat pada 8hb Januari, 1979 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Penentuan2-nya (specification) bagi pembelian Konkerit Slab dan tutup longkang besi itu boleh-lah di-perolehi daripada Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka (terutama-nya perkara yang bersangkutan dengan chara buatan dan bilangan yang di-kehendaki).

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau seumpama-nya.

ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

Serial No. 87(CL)/1978

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, from registered Electrical Cable Laying Contractors, Class 'A' up to 12.00 noon on 9th January, 1979 for:—

PROPOSED CABLE LAYING FOR THE NEW HIGH TENSION RING CABLE AT JALAN GADONG, AND

H. T. CABLE FOR SPORTS CLUB SUB-STATION FROM GADONG POWER STATION

Tender documents and all particulars may be seen at the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender deposit of B\$500.00 shall be in the form of cheque refundable only to all unsuccessful tenders upon the receipt of a bona fide tender.

The Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.



Awang Haji Jaya bin Abdul Latif ketika berucap di-Pembukaan Rasmi Kongres Agong M.B.B.

2,538 lulus pereksa SPR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,538 orang dari sa-jumlah 4,174 orang chalon telah lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (P.C.E.). Chalon2 itu ia-lah dari 39 buah sekolah di-seluruh negeri yang menduduki peperiksaan tersebut tahun lalu.

Sekolah St. George di-Bandar Seri Begawan telah mengatasi semua sekolah dengan mendapat 95.4 peratus jumlah chalon-nya lulus.

Ini di-ikuti oleh Sekolah Menengah Chung Hwa dan Sekolah Persediaan Inggeris Sungai Han-ching, Jalan Muara.

Dayang Pauline Yeo dari Sekolah St. George telah mendapat keputusan yang tinggi dengan memperolehi empat kelulusan dalam pangkat A.

Majlis untuk yang bersara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Ukur telah mengadakan satu majlis perpisahan bagi enam orang kaki-tangan-nya yang telah bersara.

Majlis yang di-hadiri oleh kira2 200 orang pegawai dan kaki-tangan jabatan tersebut, termasuk dari Daerah Belait telah di-adakan di-Pejabat Ukur di-sini pada hari Sabtu minggu lalu.

Mereka yang di-ra'ikan itu ia-lah Awang Haji Gemok bin Seradin, Awang Haji Dagang bin Keluddin, Awang Haji Pulut bin Kubu, Awang Haji Besar bin Haji Jeludin, Awang Jeneh bin Laila dan Awang Senudin bin Munap.

Mereka telah berkhidmat dengan jabatan itu sa-lama antara 20 hingga 30 tahun.

Juru Ukur Agong, Awang James Wright telah berucap di-majlis tersebut dan kemudiannya menyampaikan chenderamata kepada mereka yang telah bersara itu.

Empat kekal jawatan masing2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat dari lima orang ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei kekal memegang jawatan masing2 untuk sa-lama dua tahun lagi.

Mereka itu telah di-pilih semula dalam Kongres Agong MBB yang telah berlangsung di-Pusat Belia di-sini pada hari Isnin lalu.

Awang Haji Jaya bin Abdul Latif kekal dengan jawatan-nya sa-bagai Yang Dipertua MBB.

Jawatan Timbalan Yang Dipertua di-sandang oleh sa-orang muka baru. Beliau ia-lah Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof.

Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim telah di-pilih semula sa-bagai Pengerusi Tetap ia-itu jawatan yang di-pegang-nya sejak tahun 1973.

Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman dan Awang Haji Ahmad bin Kadi, masing2 telah di-pilih semula sa-bagai Setia Usaha Agong dan Bendahari.

Mengikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Angkatan Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Britain untuk menghadiri kursus di-sana.

Leftenan Haji Hassanuddin bin Haji Ibrahim akan menjalani kursus Sub-Leftenan Antarabangsa di-Dartmouth dan di-Portsmouth sa-lama sa-tahun. Sa-orang lagi, Kapitan Ja'afar bin Haji Abdul Aziz mengikuti kursus pendaratan kapal di-Sekolah Latihan Marine Diraja di-Poole sa-lama empat bulan.

Sementara itu, dua orang pegawai, Leftenan Muda Jorsi bin Haji Lamat dan Leftenan Muda Johari bin Haji Metussin telah pun pulang sa-telah menghadiri kursus di-Britannia Royal College di-Britain.

BELIA2 SENTIASA MENGAMBIL BERAT TERHADAP TITAH BAGINDA SULTAN — Haji Jaya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, ketika menyampaikan ucapan-nya di-perasmian Kongres Agong Perwakilan MBB di-Pusat Belia sini, Isnin lepas menyatakan bahawa belia2 Brunei akan sentiasa mengambil berat terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, sa-masa Baginda merasmikan perhimpunan raksasa sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. pada tahun 1978 yang lalu.

Dalam titah Baginda di-perhimpunan itu, jelas Awang Haji Jaya, antara lain: "... Di-dalam mana2 negeri jua pun di-dunia ini kaum belia ada-lah merupakan golongan yang terbesar dan jika di-bimbing dan di-berikan petunjuk yang jujur lagi betul menurut ajaran Islam yang maha suci maka Insha Allah kaum belia akan dapat memberikan sumbangan ka-arrah pembentokan satu masyarakat yang kukuh yang beriman dalam suasana dan keadaan yang aman damai lagi terselamat.

"Di-Negeri Brunei ini kaum belia merupakan sa-bahagian besar dari bilangan raayat dan penduduk negeri ini, mudah2an mereka ini nanti akan menyumbang dan meneruskan sa-tiap usaha dan pekerjaan yang berkebakakan yang telah dan sedang di-jalankan pada masa ini. Segala ranchangan dan pekerjaan yang di-ator pada masa ini adalah dengan niat dan tujuan bagi memajukan negeri kita supaya negeri yang sama2 kita chintai ini akan terus menikmati keadaan yang aman makmor lagi terselamat, sejahtera untuk sa-lama2-nya. Tambahan lagi Negeri Brunei ada-lah sa-buah negeri Islam yang mempunyai Ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negara dan yang berusaha ka-arrah menjadikan Islam sabagai chara hidup yang lengkap dan sempurna."

Dalam usaha kita untuk menyambut baik titah Baginda

Yang Dipertuan itu, jelas beliau lagi, pihak MBB tidak lupa menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada pihak2 yang telah menyumbangkan tenaga serta kerjasama yang tidak kendur2 dalam membimbing belia2 Brunei ka-arrah melaksanakan ranchangan2 MBB yang berfaedah bagi kepentingan kita bersama.

Menurut Awang Haji Jaya, dengan penerimaan MBB sa-bagai ahli Perhimpunan Belia2 Islam Sa-Dunia yang berpusat di-Riyad, Saudi Arabia, beberapa kemudahan juga akan di-hulurkan kepada MBB seperti dermasiswa pelajaran tinggi di-Saudi Arabia, penghantaran pakar untuk memberikan sharahan2, cheramah2 dalam seminar, persidangan2 khusus mengenai dakwah Islamiah di-Brunei dan memberikan bantuan sa-chara material untuk perkembangan Ugama Islam sa-laras dengan kehendak2 yang ada di-Brunei.

Untuk melaksanakan chita2 tersebut, perundingan2 selanjut-nya dengan pihak yang berkenaan Sekretariat Perhimpunan Belia Islam Sa-Dunia, akan dapat di-adakan kelak, sa-waktu pemergian rombongan MBB menghadhiri Perhimpunan Belia Islam Sa-Dunia yang akan di-

langsungkan pada bulan Mach ini nanti, di-samping mengadakan 'Rombongan Umrah', jelas beliau lagi.

Dalam menolong membangun negara kita ini, tambah beliau lagi, para belia sudah sewajarnya mempunyai chita2 besar dan tidak harus berfikir untuk hari ini sahaja. "Pengalaman2 yang di-hadapi pada tahun2 yang lalu ada-lah kita jadikan panduan untuk tahun2 yang akan datang. Kita harus belajar dari kesalahan sendiri, belajar untuk mengubah chorak dan sikap kita sendiri. Kita berharap moga2 menjelang tahun 1979 ini belia2 Brunei akan dapat memikirkan dengan lebih matang bagi sama2 lagi mendorong serta mengerakkan ranchangan2 yang sedang dan yang akan di-susun oleh Kerajaan Kebawah DYMM Baginda Sultan," jelas-nya.

Terdahulu dari itu, Awang Haji Jaya menyatakan bahawa walau pun dunia di-sekeliling kita telah dan sedang mengalami berbagai2 malapetaka — tetapi kita di-negara Brunei yang bertuah ini semua masaalah dan malapetaka itu di-jauhkan Allah s.w.t. sa-hinggakan ranchangan2 yang di-susun oleh Kerajaan Kebawah DYMM, dapat di-usahkan dengan baik.

Ahli2 Lembaga Bandaran B.S.B. 1978

GAMBAR menunjukkan ahli2 Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan yang telah di-lantik dan menjalankan perkhidmatan mereka sepanjang tahun 1978. Ahli2 lembaga tersebut telah di-lantik dan di-wakili oleh pegawai2 kanan dari beberapa buah Jabatan Kerajaan dan ahli yang di-lantik sa-chara peribadi. Lembaga ini telah di-Pengeruskan oleh Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Setia Usaha-nya ia-lah Awang Mahmud bin Awang Damit, kedua2-nya dari Pejabat Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Pengenalan gambar bawah (dari kiri): Awang Mahmud bin Awang Damit, Setia Usaha; Awang Douglas Faulkner, Pengawal Pasukan Bomba; Awang Haji Othman bin Haji Yaakub, wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya; Dato Seri Laila Jasa C.T. Miller, Timbalan Pesuruhjaya Pulis; Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Pesuruhjaya Tanah; YAM. Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris, Cheteria Peribadi; Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Awang Haji Abdullah, Pengerusi; YB. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, wakil Peribadi; Awang Haji Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan; Dato Paduka Haji Ali Khan bin Abdul Khan, wakil Peribadi; Dr. Elizabeth L. Ryan, Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan dan Awang Sydney Litherland, Pesuruhjaya Peranchang Bandar dan Negeri. Dua orang lagi ahli lembaga itu yang tidak termasuk dalam gambar ini ia-lah YB. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pehin Menteri Peribadi dan YB. Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sepiuddin.

